

Dari sudut metode pendekatannya, motivasi dakwah telah meletakkan usaha dan kesungguhan sebagai satu syarat pengorbanan untuk memotivasi manusia, namun matlamat kejayaannya masih tertakluk di dalam batas dan lingkungan takdir daripada Allah.

Motivasi dakwah mempunyai paradigmanya yang tersendiri untuk terjun dalam arus perdana dan bersaing dengan motivasi konvensional.. Asas kepada paradigmanya terdiri daripada sumber wahyu, gambaran ini menunjukkan identiti motivasi dakwah tetap relevan untuk menyelesaikan banyak permasalahan ummah pada masa kini dan akan datang.

2.2 KONSEP MOTIVASI :

Apabila kita ingin menyorot tentang konsep motivasi sudah pasti tidak dapat lari daripada membicarakan mengenai asas, dasar, prinsip, metode dan seumpamanya yang dapat menggambarkan *view* keseluruhannya.

Namun, kajian ini hanya mampu menggambarkan secara ringkas beberapa fakta asas yang dirasakan perlu diketengahkan untuk perbincangan selanjutnya.

2.2.1 Prinsip Dalam Motivasi :

Catatan daripada tokoh-tokoh motivasi menyatakan bahawa motivasi mempunyai peraturan, hukum atau prinsip-prinsip tertentu yang perlu dijadikan panduan oleh semua pihak yang mengendalikan program motivasi. Prinsip-prinsip ini pula dapat dilihat dari pelbagai sudut.

Menurut Roy Garn, terdapat empat prinsip atau tujuan motivasi :¹

- i. Pertahanan Diri (*self-preservation*) : Satu situasi apabila telah terdesak ia akan melakukan apa sahaja dengan kekuatan yang luar biasa (*tenaga supernatural*) sehingga ia berupaya melawan. Motif ini merupakan motif yang paling utama.
- ii. Pengakuan (*recognition*) : Satu situasi bahawa elemen pengakuan yang boleh menggambarkan nilai diri seseorang dapat dijadikan asas untuk membina motif dan keyakinan diri. Motif ini termasuk yang kedua penting.
- iii. Cinta Kasih (*romance*) : Suatu gambaran bahawa apabila dipastikan cinta atau kasih telah mewarnai pekerjaan seseorang maka hidupnya akan dinamis dan penuh kegembiraan. Menurut Douglas yang memetik pandangan Archibald

¹ Roy Garn (1960), *The Magic Power of Emotional Appeal* Englewood Cliffs , N.J. : Prentice-Hall, Inc., h. 20

Alexander manusia berharga kerana nilai cinta kasih sayang dalam motif yang dimilikinya dan bukan kerana faktor-faktor lainnya.²

iv. Wang (*money*) : Suatu gambaran bahawa setiap orang memiliki sifat individualistik seperti kepentingan wang. Ia termasuk motif paling rendah tarafnya.

Menurut Douglas lagi, antara perkara penting untuk membina motivasi diri ialah kesediaan untuk mempercayai orang lain, menilai keyakinan diri, dapat merasai ketenteraman, mengatur jadual, mengurus tugas dan sebagainya. Kenyataan ini telah membenarkan pandangan Bob Conklin bahawa yang benar-benar merupakan motivasi adalah keyakinan dan bukannya keuntungan.³

Menurut Beck terdapat tiga dasar atau prinsip asas dalam membicarakan item motivasi iaitu :⁴

i. Yang menyentuh bidang biologi (*biological*) dan segala teori yang berkaitan dengannya. Pembahagian ini disokong oleh Robert E. Franken dengan mengkategorikannya sebagai *Components of Motivation*.⁵

ii. Yang berkaitan dengan tingkah laku (*behavior*) dan segala teori yang berkaitan dengannya. Robert E. Franken berbeza pendapat apabila menggunakan item belajar (*learned*) lalu mengkategorikannya sebagai *Components of Motivation*.⁶

iii. Yang berkaitan dengan bidang kognitif (*cognitive*) dan segala teori yang berkaitan dengannya. Pembahagian ini pula disokong oleh Robert E. Franken dengan mengkategorikannya sebagai *Components of Motivation* juga.⁷

² Mack R. Douglas (1995), *How to Make a Habit of Succeeding*, New Delhi : UBS Publishers Distributors Ltd., h. 121

³ *Ibid*, h. 123

⁴ Robert C. Beck (1983), *Motivation Theories and Principles*, (cet.2), New Jersey : Prentice-Hall, h. 57 - 424

⁵ Robert E. Franken (1998), *Human Motivation* , USA : Brooks / Cole Publishing Company, h.25

⁶ *Ibid*, h. 25

⁷ *Ibid*, h. 25

Tokoh motivasi yang lain pula melihat dari sudut yang berbeza. Kajian ini lebih cenderung kepada pandangan tokoh ini kerana ia boleh dihubungkan dengan *view Islam*. Prinsip-prinsip motivasi tersebut ialah :


- i. *Motivator* perlu bermotivasi sebelum memotivasi orang lain :

Seorang *motivator* perlu terlebih dahulu membuktikan keikhlasannya dengan memiliki peribadi yang cemerlang sebelum berhasrat membina kecemerlangan untuk orang lain. Adalah mustahil untuk memotivasi orang lain sedang dia sendiri sebenarnya tidak bermotivasi⁸.

Menurut Carter, sikap kesungguhan dan juga kecuaian memang boleh mempengaruhi orang lain, jika *motivator* dilihat bersungguh-sungguh dalam tugasannya maka yang dipimpin juga turut melakukan yang sedemikian⁹, begitulah juga sebaliknya jika *motivator* dilihat cuai dengan tugasannya maka yang dipimpin juga akan lebih cuai lagi.

Tokoh motivasi yang lain pula menyatakan perlunya para *motivator* memiliki identiti kecemerlangannya yang tersendiri, apabila para pelanggannya telah mula mengenal pasti siapa dan apa identiti pemimpin mereka, maka ini bererti petanda baik telah pun bermula.¹⁰

Islam melihat konsep kepimpinan melalui teladan adalah termasuk dalam prinsip hidup seorang muslim yang telah digariskan oleh al-Quran. Allah berfirman :



*Amat besar kebencian di sisi Allah kamu mengatakan sesuatu yang kamu sendiri tidak mengerjakannya.*¹¹

⁸ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 20

⁹ Carter McNamara, Dr., "Basic About Employee Motivation", <http://www.mapnp.org/library/guiding/motivate/basics.htm>, (Disember 1999)

¹⁰ Nidoqubein, "Ten Principles of Motivation", http://www.nidoqubein.com/tenprinciples_act.html , (Ogos 2001)

¹¹ Surah al-Sâf (61), ayat 3

Prinsip tersebut juga memang sentiasa ada pada diri Nabi s.a.w. iaitu sebagai contoh dan teladan yang terbaik (*uswah hasanah*)¹², kemudian diikuti pula oleh para sahabat serta para alim ulama generasi ke generasi. Ia juga termasuk dalam prinsip asas bagi dakwah Islam yang menekankan konsep “إِذْنَنَّ بِنَفْسِكَ”¹³ yang bermaksud *mulakanlah dengan dirimu sendiri*.

ii. Motivasi perlu menetapkan matlamat :

Menetapkan matlamat bertujuan untuk memastikan kerangka programnya berada di atas landasan yang betul, di samping meningkatkan daya usaha, minat tumpuan serta mengekalkan tahap motivasi hingga mencapai apa yang dicita-citakan.

Motivasi adalah suatu usaha yang memberi tumpuan secara langsung terhadap masa depan, oleh itu jika tanpa sasaran matlamat yang jelas bererti usaha tersebut sia-sia sahaja.¹⁴ Usaha menetapkan matlamat juga menggambarkan mereka penuh perhatian terhadap hasrat untuk mencapainya serta akan menjadikan mereka lebih aktif dalam usaha mereka.¹⁵

Ajaran Islam juga mengambil berat soal matlamat. Membina matlamat untuk mengabdi diri dan memurnikan keikhlasan kepada Allah¹⁶ di samping mencari keredaan-Nya adalah antara hak-hak Allah ke atas hamba-Nya di dalam setiap tindakan lebih-lebih lagi dalam melaksanakan tugas dakwah dan tarbiah.

Dalam konteks yang lebih luas seperti dalam situasi perang dan jihad persoalan matlamat menjadi bertambah luas lagi mencabar, contohnya sikap ‘Abdulah bin Rawähah ketika dalam peperangan Mu’tah telah disarankan supaya

¹² Sila rujuk firman Allah surah al-Ahzāb (33), ayat 21

¹³ Konsep ini lahir daripada kata-kata Ummu Salamah (isteri Nabi s.a.w.) sewaktu beliau mententeramkan hati baginda agar baginda sendiri yang memulakan “ sembelihan dan membuka pakaian ihram sebagai tanda pembatalan ibadat umrah ” setelah baginda kecewa dengan sikap para sahabat yang keberatan menerima perintah tersebut, sila rujuk Abdul Hadi Awang (1992), *Fiqh al-Harakah*, jilid 2. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, h. 244. Rujuk juga dlm. M. Natsir (1980), *Fiqhud Da’wah*, Singapura : Pustaka Nasional, h. 214

¹⁴ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 21

¹⁵ Huntington Learning Centre, “ Resource Library, Motivation Principles That Drive Learning ”, <http://www.huntingtonlearning.com/p-motivation.php> , (Ogos 2002)

¹⁶ Sila rujuk firman Allah surah al-Baiyinah (98), ayat 5

segera menghantar maklumat mengharap bantuan tambahan kepada Nabi s.a.w. untuk berdepan dengan keperkasaan pasukan Rumawi, beliau telah menjawab dengan tegas :

*Kita berperang melawan musuh bukan kerana besanya jumlah pasukan atau kerana kekuatannya, tetapi adalah kerana Islam yang telah memuliakan kita. Majulah kalian semua ! Kita hanya mengharapkan salah satu daripada dua keuntungan sama ada menang atau mati syahid.*¹⁷

Dari sudut metode dan teknik penetapan matlamat pula ditegaskan oleh Fathī Yakān supaya pendakwah (termasuk juga *motivator*) perlulah mengetahui bagaimana dia harus memulakan programnya, dari mana sepatutnya dimulakan dan apakah jaminan untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan.¹⁸ Carter pula memperkemaskan metode ini dengan menggunakan pendekatan “ SMARTER ” iaitu *specific, measurable, acceptable, realistic, timely, extending of capabilities, and rewarding to those involved.*¹⁹

iii Motivasi merupakan proses yang berterusan :

Maksud berterusan ialah adanya usaha-usaha ulangan dan berkesinambungan mengikut satu jangka masa yang sesuai. Perkembangannya perlu sentiasa dipantau dan diteliti, perlu dicari elemen-elemen yang boleh memotivasi dan juga sebaliknya. Motivasi yang dilakukan setahun sekali serta tiada pemantauan tidak akan mampu bertahan lama.²⁰

Menurut Carter, sesebuah organisasi akan mengalami perubahan pada setiap masa seperti juga yang berlaku kepada manusia, namun elemen-elemen motivasi masih sentiasa diperlukan untuk mengekalkan suasana ceria dan memberangsangkan di kalangan para ahlinya.²¹ Pendekatan programnya pula

¹⁷ Mustafa al-Saqā et al. (2000), *Al-Sirāt al-Nabawiyah li Ibn Hisyām*, (cet.3), Beirut : Dār Ehyā' al-Turāth al-'Araby, juz. 4, Bab : Takhawwuf al-Nās Min Liqā' Hirqal wa Sy'ir Ibn Rawāhah Yusajji'uhum, h. 22

¹⁸ Fathī Yakān (1985), *Al-Ist'rāb fi Hayāt al-Da'wah wa al-Dā'iyyah* (terj. Alias Othman), Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 142

¹⁹ Carter McNamara, Dr. (1999), *op. cit.* , h. 4

²⁰ Richard Denny (1993), *op. cit.* , h. 21 – 22

²¹ Carter McNamara, Dr. (1999), *op. cit.* , h. 2

perlu mempunyai perancangan yang baik, ada kesinambungan serta penuh bertenaga demi untuk mendapatkan natijah dan kesan yang maksimum.²²

Islam juga amat menekankan elemen konsisten ini sama ada ia berbentuk sikap, tindakan, pertimbangan, ibadat dan sebagainya kerana ia dikasihi Allah dan rasul-Nya. Sabda Nabi s.a.w. :

وَاعْلَمُوا أَنَّ أَحَبَّ الْعَمَلِ إِلَيْهِ اللَّهُ أَدْوَمُهُ وَإِنْ قَلَّ رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Dan ketahuilah bahawa amal yang paling dikasihi Allah ialah yang dikerjakan secara berterusan biarpun sedikit.

Riwayat Muslim.²³

Hadis di atas menekankan pentingnya setiap tugas dilakukan secara berterusan hingga menjadi tabiat yang sebatii²⁴ serta yang hidup dalam realiti sekalipun dalam kuantiti yang sedikit. Motivasi Nabi s.a.w. seterusnya :

أَنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَبَدَأَ حَدْكُمْ فَسِيلَةً، فَاسْتَطَاعَ أَلَا
تَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا، فَلَمَّا بِذَلِكَ أَجْرٌ.

*Sekiranya berlaku kiamat, sedang di tangan salah seorang kamu ada benih tamar dan dia berupaya menanamnya maka hendaklah dia menanamnya, dengan demikian dia mendapat pahala.*²⁵

Hadis di atas menggambarkan keprihatinan Nabi s.a.w. tentang masa depan umatnya dalam memahami dan mengharungi tuntutan hidup. Kesungguhan Baginda s.a.w. dalam usaha memberikan motivasi kepada para sahabatnya sebenarnya hingga tiba ke penghujung hayat baginda apabila ucapan terakhir baginda masih lagi difokuskan dengan urusan dunia dan penghuninya, pengisian muka bumi, menggariskan *manhaj* yang betul dan meneguhkan tiang-tiang agama.²⁶

²² Huntington Learning Centre (2002), *op. cit.* h. 1-2

²³ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawāwī (t.th.), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawī*, juz. 17, Bab : Lan Yadhkhl Ahad al-Jannah bi Amalihi bal bi Rahmah Allah Ta’ālā, Al-Azhar : Maktabah Usāmah al-Islāmiyyah, h. 161

²⁴ Huraian lanjut tentang “tabiat” boleh dirujuk dlm. *footnote* 139 dlm. bab 2

²⁵ Muhammad Qutb (2001), *Qabasdt min al-Rasāl* (terj. Mohd. Asri Hashim), Kuala Lumpur : Pustaka Salam, Tajuk : Bekerjalah Walaupun Kiamat Seketika Nanti, h. 17

²⁶ *Ibid.* h. 20 - 26

iv. Motivasi memerlukan penghargaan :

Proses motivasi amat memerlukan suatu pengiktirafan nilai dan ia termasuk instrumen yang paling berkesan sekali.²⁷ Pengiktirafan nilai sama ada yang merujuk kepada kebendaan seperti ganjaran wang, bonus, pangkat, hadiah dan sebagainya, atau yang datang dalam bentuk pengakuan seperti surat atau sijil penghargaan, kata-kata sanjungan yang memberangsangkan dan sebagainya.

Dalam bidang pembelajaran, nilai-nilai insentif seperti penghormatan dan kata-kata puji daripada *motivator* boleh menyuntik roh motivasi pelajar. Umumnya, tanpa nilai insentif tidak mungkin program motivasi kendiri akan berjaya. Cara penggunaan nilai insentif pula seharusnya berdasarkan kepada falsafah bahawa pembelajaran akan menjadi lebih berkesan apabila pelajar dapat merasai kepuasan daripadanya.²⁸

Merujuk kepada pendekatan dakwah Islam, umat Islam memang sering dimotivasikan dengan pelbagai penghargaan dan janji ganjaran berupa pahala, keberkatan, kerahmatan, kebahagiaan, balasan syurga dan sebagainya yang difokuskan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Sebagai contoh Allah telah menjelaskan pengiktirafan-Nya terhadap wadah yang paling disukai-Nya dalam satu hadis *qudsi* :

أَلَا وَإِنَّ اللَّهَ أَوَانِي فِي أَرْضِهِ وَهِيَ الْقُلُوبُ فَأَحَبُّ
الْأَوَانِي إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَصْفَاهَا وَأَصْلَبَهَا وَأَرْقَهَا.
أَصْفَاهَا مِنَ الدُّنْوَبِ وَأَصْلَبَهَا فِي الدِّينِ وَأَرْقَهَا
عَلَى الْإِخْرَانِ.
رواه الطبراني

Sesungguhnya Allah mempunyai beberapa wadah di bumi-Nya iaitu hati-hati manusia. Wadah yang paling disukai-Nya ialah wadah yang paling bersih, paling tegas dan paling lembut. Paling bersih daripada dosa, paling tegas dalam urusan agamanya dan paling lembut terhadap sesama saudara.

Riwayat al-Tabrānī .²⁹

²⁷ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 23

²⁸ Huntington Learning Centre (2002), *op. cit.* h. 1

²⁹ Muhammad 'Abdullah al-Khatib (1991), *Khasâis al-Mujtama'* al-Islâmî (terj. Taib Azamuddin Mohd.Taib et al.), Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid , h. Tajuk : Kewajipan Terhadap Diri Sendiri, h. 202

Hadis di atas menjelaskan penghargaan dan pengiktirafan Allah terhadap wadah-wadah terpuji iaitu yang merujuk kepada hati para mukmin di dunia yang memiliki identiti paling bersih, paling tegas dan paling lembut. Nilai penghargaan seperti di atas yang datangnya daripada Allah yang sifat-Nya Maha Agung serta memiliki *Asmā' al-Husnā* (nama-nama Allah Yang Maha Mulia) tentulah amat tinggi nilainya bagi mereka yang benar-benar beriman dan yang benar-benar memiliki pandangan mata hati (*ūlī al-absār*).

v. Penyertaan atau penglibatan akan meningkatkan motivasi :

Penyertaan atau penglibatan diri dalam sesuatu aktiviti bererti berkongsi idea dan perancangan atau sama-sama menggarap pencapaian objektif dan matlamat yang dicita-citakan.

Apabila seseorang itu merasakan ia sebahagian daripada sesuatu projek yang sedang sama-sama diusahakan, pada kebiasaannya ia akan memberikan kerjasama dan boleh mempamerkan daya motivasi yang memberangsangkan.³⁰

Sesuatu penyertaan dapat mengurangkan tekanan dan keimbangan melalui penerimaan serta kehadiran orang lain dalam projek tersebut, namun penyertaan itu juga boleh menuju kepada sifat persaingan dan lain-lain tingkah laku yang boleh mendorong ke arah nilai-nilai yang negatif.³¹ Oleh itu, semua penyertaan amat memerlukan pemantauan daripada pihak pimpinan dari semasa ke semasa.

Ajaran Islam menuntut supaya umatnya turut sama melibatkan diri dalam urusan kebijakan dan menegakkan kebenaran kerana penglibatan banyak mengajar manusia tentang nikmat kebersamaan dalam berjemaah di samping dapat mengeratkan lagi ikatan ukhuwah.

Strah Islam pernah mencatatkan contoh sikap kerjasama Nabi s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh Syamus Binti Nu'man (sahabat) yang turut hadir ketika peristiwa itu berlaku, maksudnya :

:

³⁰ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 24

³¹ Huntington Learning Centre (2002), *op. cit.* h. 2

Setelah tiba di Quba', aku melihat Nabi s.a.w. turun lalu mengepalai para sahabat yang lain untuk mendirikan masjid. Aku sendiri melihat baginda mengangkat batu besar sehingga terhoyong hayang lantaran kerana beratnya. Kemudian seorang sahabat datang dan berkata : Ya Rasulullah ! Biarkanlah, serahkan sahaja kepadaku untuk mengangkatnya. Rasulullah s.a.w. menjawab :

(لَا يَحْدُثُ مِنْهُ).

" Tidak ! Ambillah batu lain yang sepertinya ".³²

Hadir di atas menjelaskan tentang bagaimana keprihatinan Nabi s.a.w. terhadap nilai penglibatan dan kebersamaan dalam menjayakan sesuatu persefakatan. Penglibatan Nabi s.a.w. bersama para sahabat muhajirin (secara "turun padang") telah menyuntik semangat motivasi kepada semua sehinggalah masjid Quba' selesai pembinaannya, walaupun sederhana tetapi mempunyai peranan jelas dalam perjalanan *risalah* (mesej kerasulan)³³.

vi. Melihat diri sendiri berkembang akan meningkatkan motivasi:

Apabila melihat potensi diri yang telah mula berkembang dan maju ke hadapan, malah telah mencapai sesuatu, individu kebiasaannya akan lebih berusaha dan lebih bermotivasi. Sebaliknya jika ia melihat dirinya telah mula mundur ke belakang dan tiada apa-apa lagi pencapaian yang menggalakkan maka ketika itu individu sebenarnya telah kehilangan motivasi dan harga diri.³⁴

Dorongan untuk menjaga harga diri sebenarnya termasuk di antara elemen rangsangan yang sangat berkesan. Ini kerana setiap manusia mempunyai naluri untuk berbangga dengan sesuatu, oleh itu jika dapat dipastikan apakah dorongan yang menyebabkan mereka berbangga terhadapnya maka itulah instrumen penggerak dalaman yang paling utama untuk memotivasi mereka.³⁵

Sejarah Islam pernah mencatatkan mengenai ekspedisi dan kemenangan yang telah dicapai oleh tentera Tarif Bin Malik di Algeciras, Semenanjung

³² M. Nasir (1980), *op. cit.*; Tajuk : *Uswah Hasanah*, h. 204

³³ *Ibid* , h. 205

³⁴ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 25

³⁵ Ten Principles of Motivation (2001), *op. cit.*, h. 2

Andalusia (Sepanyol) tahun 710 M. Namun kemudiannya beliau terpaksa pulang semula ke Afrika bersama harta rampasan perang. Ekspedisi yang begitu membanggakan ini kemudiannya telah diambil kesempatan sebaik mungkin oleh Tāriq bin Ziyād (panglima tentera) bersama 7,000 orang yang kebanyakannya daripada bangsa Barbar, mereka mengharungi bukit Gibraltar (bersempena namanya) dan seterusnya berjaya membuka Andalusia. Sejarah juga merakamkan bahawa kejayaan Tāriq ini sebenarnya dimotivasikan melalui ketegasan beliau membakar kapal-kapalnya agar pengikutnya tidak berundur atau lari daripada musuh (Raja Roderick dan bala tenteranya).³⁶ Tindakan membakar kapal telah melahirkan suara-suara kecaman, namun beliau telah mengungkapkan kata-kata bersejarah, penuh erti dan penuh motivasi :

*Kita datang ke sini sebenarnya bukan untuk kembali. Kita datang hanya dengan dua pilihan sama ada kita berjuang, menang dan menetap di sini atau pun kita semuanya akan binasa bersama-sama.*³⁷

Kesungguhan dalam ekspedisi Tāriq serta keputusannya membakar kapal-kapal milik mereka sendiri lebih mencerminkan rasa optimisnya kepada Tuhan di samping paparan roh motivasi untuk berjuang bermati-matian dan harga diri yang amat tinggi nilainya.

vii. Cabaran akan memotivasi jika ada keyakinan boleh menang :

Menyentuh tentang elemen insentif, persaingan dan juga cabaran, kesemuanya itu sebenarnya mampu memberikan inspirasi dan motivasi untuk pencapaian prestasi yang lebih tinggi sekiranya mereka itu yakin mempunyai peluang untuk berjaya. Seorang individu boleh diproses agar lebih bersaing dengan memberikan tugas yang lebih berat, namun tugas tersebut mestilah juga yang mampu dikendalikannya di samping sikap didikasinya sendiri bagi mencapai matlamat.³⁸

³⁶ Mahayudin Hj. Yahaya (:1989), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Jilid V S – T, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 1591.

³⁷ Jamil Ahmad (1988), *op. cit.*, Tajuk : Tāriq bin Ziyād, h. 375

³⁸ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 26 - 27

Hidup manusia sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran, semakin besar cabaran maka semakin besarlah persiapan untuk berhadapan dengannya kerana risikonya juga adalah besar. Suatu proses pembelajaran menuntut perubahan dalam kepercayaan dan tingkah laku seseorang. Suatu perubahan pula sudah pasti akan menimbulkan sedikit keimbangan, namun sebahagian daripada keimbangan itu berguna untuk memotivasi mereka. Bagi para *motivator*, mereka perlu mengenal pasti apakah jenis keimbangan yang boleh dimanfaatkan serta memahami kesan dan akibatnya³⁹.

Dalam konteks cabaran dan keyakinan untuk menang, Imam Hasan al-Bannā pernah mengungkapkan kata-kata melalui satu pendekatan motivasi yang indah serta mudah untuk dimengerti :

كونوا مع الناس كالشجر يرمونه بالحجر ويرميهم
بالثمر. يا أخي إنك إنما تعمل لغايتين لتنج ولتؤدي
الواجب. فإن فاتتك الأولى أى لم يستحب لك أحد
فلا تفوتك الثانية أى أن تؤدي الواجب.

Jadilah anda (para pendakwah atau motivator) bersama manusia itu umpama sepohon pokok buah-buahan , mereka melemparnya dengan batu , namun anda membalaunya dengan buah. Wahai saudaraku ! Sesungguhnya anda hanyalah beramal untuk dua tujuan iaitu supaya anda berjaya dan kerana menunaikan kewajipan. Maka jika yang pertama telah pun terlepas daripada anda (tiada siapa yang menyahut dakwah anda) pastikan yang kedua (memunaikan kewajipan) tidak terbuang begitu sahaja. ⁴⁰

Pesan al-Bannā di atas telah menggigit lubuk hati para pendakwah atau *motivator* agar sentiasa tabah melaksanakan tugas dan menyemai benih keyakinan bahawa sebarang usaha pasti akan menang. Namun jika kemenangan tidak atau belum dapat dicapai, tugas menunaikan kewajipan sepatutnya telah pun disempurnakan dengan sebaiknya.

³⁹ Huntington Learning Centre (2002), *op. cit.* h. 2

⁴⁰ Mustafā Masyhūr (1985), *Tartiq al-Da'wah* (terj. Mohd. Tahir Daeng Mengati), Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 155

viii. Setiap orang mempunyai potensi untuk dimotivasi :

Secara biologinya manusia memang mengalami perubahan pada setiap masa. Mereka mempunyai potensi untuk berubah sama ada dalam kuantiti yang banyak atau pun sedikit, positif atau pun negatif. Dapat difahami setiap manusia mempunyai potensi untuk dimotivasi, namun yang menjadi persoalan ialah untuk mengenal pasti *point* atau titik bermulanya perubahan tersebut.

Seorang *motivator* akan mencuba pelbagai kaedah untuk menjana seseorang kepada tabiat yang lebih bermotivasi. Sekiranya berlaku sesuatu yang di luar jangkaan, *motivator* seharusnya tidak terus bertindak menyingsirkan mereka kerana penyingsiran akan mengundang banyak kesan negatif kepada seluruh penglibatannya.⁴¹

Dari perspektif yang lain, manusia dilihat memang telah memiliki unsur-unsur motivasi cuma mereka perlu diberi peluang untuk dibangunkan sebaiknya. Sebahagian manusia pula dilihat sebagai penggerak yang amat berkuasa tetapi cita-cita mereka mungkin akan menuju ke arah matlamat yang pelbagai. Oleh itu para *motivator* perlu mengurus mereka mengikut acuan yang sepatutnya.⁴²

Menurut Bucaille manusia mempunyai potensi untuk membangun dan menghasilkan pembangunan. Mereka memiliki sifat inginkan perubahan, maju dan bertamadun. Melalui potensi tersebut mereka mencipta pelbagai kemajuan dan mampu hidup di seluruh pelusuk bumi.⁴³ Walaupun demikian, Allah telah menggariskan dasar atau prinsip bagi sesuatu perubahan seperti ditegaskan dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah sendiri keadaan yang ada pada diri mereka.⁴⁴

⁴¹ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 28

⁴² Ten Principles of Motivation (2001), *op. cit.*, h. 1

⁴³ Maurice Bucaille, Dr. (1989), *What in the Origin of Man ?*, Kuala Lumpur : A. S. Noordeen, h. 99

⁴⁴ Surah al-Ra'd (13), ayat 11

Ayat di atas menegaskan bahawa perubahan perlu datang daripada usaha manusia itu sendiri. Manakala dari perspektif yang lain pula segala nikmat dan kesejahteraan untuk manusia tidak akan hilang kecuali mereka sendiri yang terlibat dengan kezaliman, maksiat dan dosa yang akhirnya merosakkan masyarakat dan ummah.⁴⁵

Jelasnya, perubahan dan pembangunan manusia tetap dilihat oleh Islam sebagai suatu yang amat perlu demi kelangsungan ummah dan tamadunnya. Walaupun proses ini penting tetapi ia amat sukar dikendalikan khususnya apabila ia melibatkan sasaran yang sentiasa bergerak iaitu yang melibatkan jiwa, hati dan juga mindanya⁴⁶.

ix. Semangat berkumpulan boleh memotivasi diri :

Manusia adalah makhluk sosial, walau di mana sahaja mereka berada mereka tetap memerlukan jalinan sosial. Antara sifat hidup bersosial atau berkumpulan ialah kesanggupan untuk memberikan kesetiaan, motivasi, galakan dan sebagainya. Misalnya seseorang yang dirinya sebahagian daripada sesuatu kumpulan atau institusi tertentu ia akan lebih cenderung dan terdorong untuk mencurahkan kesetiaan kepadanya berbanding jika dirinya bukan daripada kumpulan tersebut.

Prinsip di atas menekankan tentang pentingnya setiap orang memiliki sifat “belonging” atau rasa kepunyaan. Pemimpin yang bermotivasi adalah yang mampu menjadikan semua ahlinya merasai mereka adalah sebahagian atau kepunyaan kumpulannya.⁴⁷ Justifikasi daripada sifat kepunyaan ini akan menghindarkan ahli daripada sifat pengabaian dan diskriminasi oleh pihak-pihak tertentu.

Ajaran Islam banyak memberikan penekanan berkaitan suruhan atau galakan yang dibina berdasarkan nilai kumpulan atau jemaah. Sebagai contoh amalan solat

⁴⁵ Wahbah al-Zuhailī, Prof. Dr. (1991), *op. cit.*, juz. 13, h. 124 - 127

⁴⁶ Muhammad ‘Abdullāh al-Khatīb (1991), *op. cit.* , h. xxiii

⁴⁷ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h. 29

berjemaah lima waktu, solat Jumaat, solat Hari Raya, urusan jenazah, urusan berkeluarga, bermasyarakat dan seterusnya bernegara, begitu juga ketika belajar, bekerja, berpersatuan, bermusafir, berekonomi, berpolitik dan sebagainya yang tergolong dalam amalan fardu kifayah dengan penyertaan secara kolektif. Antara rahsia digalakkan berjemaah ialah kerana seseorang itu akan lebih terdorong untuk menampilkan pengabdian yang lebih baik berbanding apabila dilakukan secara bersendirian.

Dalam konteks berjemaah secara yang lebih khusus pula Nabi s.a.w. mengingatkan :

مَنْ خَرَجَ مِنَ الطَّاغِيَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ ثُمَّ مَاتَ
مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً .
رواه مسلم

*Siapa yang tidak taat (kepada pemimpin yang takwa) dan
memutuskan dirinya daripada jemaah lalu mati maka matinya
termasuk mati jahiliah.*

Riwayat Muslim.⁴⁸

Hadir di atas menegaskan kewajipan umat Islam untuk mentaati imam atau pemimpin yang takwa, yang mentaati Allah dan rasul-Nya. Hadis juga melarang memutuskan diri daripada jemaah Islam di bawah pimpinan mereka, sesiapa yang mati sedang ketika itu mereka memutuskan dirinya daripada jemaah tersebut maka matinya sebagai mati jahiliah (mati yang tidak Islam).

x. Peneguhan (*reinforcement*) sebagai penggilap motivasi :

Pada kebiasaannya, motivasi dalaman (*internal motivation*) yang memberi fokus secara langsung ke dalam diri individu nilai jangka hayatnya lebih panjang daripada sekadar motivasi luaran (*external motivation*). Oleh itu motivasi luaran memerlukan peneguhan yang berulangkali umpamanya melalui puji-pujian atau pun melalui pelbagai ganjaran yang bersifat lebih konkret.⁴⁹

⁴⁸ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 12, Bab : Wujūb Mulāzamah Jamāah al-Muslimin 'inda zuhūr al-Fitan, h. 239

⁴⁹ Huntington Learning Centre (2002), *op. cit.* h. 1

Jika perbincangan ini merujuk kepada skop pelajar pula, para pelajar pastinya akan mendapat kepuasan belajar apabila adanya kesedaran terhadap matlamat yang perlu dicapai atau keseronokan mendapat suatu kelainan atau pendedahan baru dalam semua topik perbahasan, namun bagi sesetengah pelajar yang hanya memiliki sedikit kekuatan dari sudut motivasi dalamannya mereka perlu sentiasa dibantu dengan pendekatan berbentuk peneguhan tersebut.⁵⁰

Reinforcement boleh datang dalam bentuk positif mahu pun negatif. Bentuk positif ialah dorongan untuk mendapatkan sesuatu yang disukai, manakala bentuk negatif pula ialah dorongan untuk menjauhkan sesuatu yang tidak disukai.⁵¹

Jika merujuk kepada Islam, pendekatan peneguhan ini banyak digunakan sama ada melalui al-Quran atau pun hadis dengan melihat kepada latar belakang manusia itu sendiri. Ringkasnya, persoalan kepercayaan (akidah atau iman) yang ada di dalam Islam menuntut agar setiap umatnya mentaati dan menyenangi semua perintah agamanya kerana balasan yang akan diterima ialah kesenangan. Demikian juga tuntutan agar setiap umatnya sentiasa mengawasi diri daripada semua perlanggaran dan dosa kerana balasannya ialah azab di akhirat.⁵²

Rumusan Mengenai Prinsip-Prinsip Motivasi :

Merujuk kepada semua prinsip motivasi yang telah dinyatakan di atas, kajian ini berpendapat bahawa jika penelitian hanya dibuat sekadar melihat kepada pandangan daripada tokoh-tokoh motivasi barat maka di sana masih kelihatan beberapa kekurangan atau kecacatan dalam aspek pendekatannya.

Antara kekurangannya ialah tidak mengaitkannya dengan unsur-unsur kerohanian sedang unsur kerohanian adalah sebahagian daripada komponen hidup manusia. Menurut Islam unsur keimanan, ketakwaan, dosa, pahala, pengiktirafan kepada Pencipta, kesinambungan hidup selepas mati dan seumpamanya merupakan tonggak asasi dalam penghayatan beragama dan kesempuraan hidup.

⁵⁰ *Ibid* , h. 1

⁵¹ Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. (1999), *op. cit* ., h. 190

⁵² *Ibid* ,h. 190

Oleh itu, melalui pendedahan bukti-bukti yang boleh dikaitkan dengan Islam seperti di atas maka kajian ini merumuskan untuk menerima prinsip tersebut sebagai sebahagian daripada Islam dengan pindaan-pindaan yang sepatutnya. Melalui pendekatan sedemikian maka semua prinsip tersebut boleh diterima dan dihayati dalam realiti kehidupan umat Islam.

2.2.2 Metode Dalam Motivasi :

Sesuatu motivasi hanya akan hidup dan berkembang berdasarkan kepada teknik, kaedah dan pendekatan yang sesuai dan sihat, kerana di antara harapan penting dalam sesuatu motivasi ialah kesan dan tindak balas yang bakal dilahirkan oleh orang yang ingin dimotivaskan.

Melalui harapan penting tersebut, kajian ini akan cuba memaparkan kaedah yang sedia ada di dalam amalan motivasi konvensional dan kemudian cuba melihat pula apa yang terdapat dalam skop pendekatan Islam. Antara pokok perbincangannya ialah :

i. Dari Sudut Asas Atau Dasar :

Motivasi konvensional meletakkan harapan (*hope*) sebagai asas utama kepada sesuatu motivasi, harapan juga merupakan penyebab kepada sesuatu kesan kejadian. Menurut Denny ; *without hope, no person could ever be motivated.*⁵³ Douglas pula sependapat dengan beliau dengan menyatakan :

*The magic ingredient of motivation is hope. Hope is that amazing desire that dream, that expectancy of realizing what is desired and developing a belief and a plan to attain that goal.*⁵⁴

Islam juga menjadikan harapan (الرجاء, الدعاء) sebagai elemen penting dalam sesuatu perjuangan. Harapan terpenting yang sepatutnya dikejar oleh manusia menurut pendekatan al-Quran ialah kebahagiaan untuk dunia dan

⁵³ Richard Denny (1993), *op. cit.*, h.12

⁵⁴ Mack R. Douglas (1995), *op. cit.*, h. 135

akhirat⁵⁵. Nabi s.a.w. pula meminta supaya doa dan harapan dijadikan sebagai senjata yang boleh diharapkan untuk memastikan sesuatu kebahagiaan. Terdapat beberapa hadis yang membayangkan jaminan bahawa setiap doa yang dipanjatkan kepada Allah tetap bermanfaat, antaranya seperti yang disabdakan oleh Baginda s.a.w. :

مَنْ مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُو لِأَخْيَهِ بِظُهُورِ الْغَيْبِ إِلَّا
قَالَ الْمَلَكُ وَلَكَ يُعْلَمُ.

*Tiada seorang muslim yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (muslim) di luar pengetahuannya melainkan malaikat mendoakan pula kepadanya “Mudah-mudahan engkau juga mendapat kebaikan sepertinya”.*⁵⁶

Hadir di atas menjelaskan, suatu doa yang dilakukan secara rahsia demi untuk kebaikan seseorang manfaatnya akan kembali juga kepada dirinya bahkan ia lebih mustajab kerana di dalamnya terkandung rasa keikhlasannya.⁵⁷ Hadis juga menggambarkan tentang peranan malaikat dan kedudukan Allah dalam konteks doa ini. Melalui penjelasan tersebut dapat difahami bahawa hadis ini telah menolak pandangan Denny yang mengatakan “*could ever*” yang merujuk kepada kuasa manusia secara total.

ii. Dari Sudut Penguasaan Golongan Sasaran :

Denny berpendapat motivasi dan kuasa memang suatu yang sangat berkait rapat sehingga orang yang bermotivasi dikatakan memiliki kuasa dalam dirinya. Siapa sahaja yang mengetahui apakah yang boleh memotivasi manusia, itulah sebenarnya instrumen yang paling berkuasa (*most powerful tool*) untuk berurusan dengan mereka.⁵⁸

Douglas sependapat dengan Denny apabila beliau menyarankan kunci kejayaan bagi seseorang individu ialah apabila ia memiliki “*power*” dalam

⁵⁵ Sila rujuk firman Allah surah al-Baqarah (2), ayat 201

⁵⁶ Muhyū al-Dīn Abū Zakārah Yahyā al-Nawawī (t.th), *op. cit* , juz. 17, Bāb : Fadl al-Duā’ li’l muslimin bi zahr al-ghaib, h. 49

⁵⁷ *Ibid* , h. 49

⁵⁸ Richard Denny (1993), *op. cit* , h. 11

konteks *power of purpose* atau *power of persistence* atau pun perkataan-perkataan yang menggambarkan elemen *power* seperti *to control your mind and master your emotion, to act aggressively, to dominate your doubts, to fight fear, to develop dynamic energy, to build a purposeful burning desire, to proper attitude* dan sebagainya.⁵⁹

Islam juga memandang penting kaedah mengenali latar belakang *al-mad'ū* (klien atau golongan sasar) seperti yang berkaitan dengan peribadi, kefahaman, keluarga, status, aspek positif yang boleh membina dan aspek negatif yang boleh meruntuhkan dan sebagainya sebelum dilakukan usaha dakwah atau motivasi kepada *al-mad'ū*.

Dasar untuk mengetahui latar belakang *al-mad'ū* termasuk antara strategi yang dituntut oleh Allah.⁶⁰ Muhammad 'Abduh telah mengkategorikan golongan *al-mad'ū* kepada tiga golongan berikut.⁶¹

1. Golongan intelektual : iaitu yang cenderung kepada kebenaran, berfikiran kritis dan analisis. Mereka perlu dibina dengan pendekatan *al-hikmah* (kebijaksanaan) iaitu dengan ada alasan, hujah, dalil, bukti, postulat dan seumpamanya yang sesuai dengan tahap dan status mereka.
2. Golongan awam : iaitu yang belum dapat berfikir secara kritis, mendalam atau pada tahap yang tinggi. Mereka perlu dibina dengan *mau'izah hasanah* iaitu secara pesan nasihat, anjuran dan didikan yang baik serta mudah difahami.
3. Golongan yang berada di antara dua golongan di atas : iaitu yang belum dapat dikategorikan dengan tahap *al-hikmah* dan tidak juga sesuai dengan tahap kebanyakan orang awam. Mereka perlu dibina dengan *mujādalah billatihi ahsan* iaitu berbicara, berbincang, bertukar-tukar fikiran, mendorong supaya berfikir secara sihat, baik dan sempurna.

⁵⁹ Mack R. Douglas (1995), *op. cit.*, h. 18 - 181

⁶⁰ Sila rujuk mafhum firman Allah surah al-Taubah (9), ayat 105

⁶¹ M. Natsir (1980), *op. cit.*, h.159

Pandangan Muhamad 'Abduh ini dapat disimpulkan dalam suatu kaedah yang disebut oleh Saidina Ali k. w. :

حَدَّثَنَا النَّاسَ بِمَا يَعْرُفُونَ.

Berbicaralah dengan orang lain berdasarkan kefahaman yang boleh diterima oleh mereka.⁶²

Jelasnya, dengan mengenali latar belakang *al-mad'ū* memudahkan motivator mengatur langkah dan strategi untuk program pembentukannya. Namun, manusia masih tetap mempunyai pelbagai kelemahan dan keterbatasan kuasa dan tidak seperti pandangan Denny yang mengatakan secara pasti (*most powerful tool*) dalam mengurus pembentukan manusia seperti dinyatakan di atas.

iii. Dari Sudut Pendekatan Teknik :

Menurut Denny, terdapat dua jenis motivasi yang mempunyai cara pendekatan yang agak berbeza.⁶³

Pertama : Motivasi Sikap ; iaitu memotivasi manusia tentang bagaimana untuk berfikir dan merasa. Ia merujuk kepada keyakinan dan kepercayaan kepada diri sendiri serta sikapnya terhadap kehidupan sama ada yang positif atau negatif. Ia juga merujuk kepada bagaimana mereka merasakan sesuatu terhadap masa depannya dan juga reaksinya terhadap masa lampau.

Kedua : Motivasi Insentif ; iaitu memotivasi sama ada individu ataupun kumpulan tertentu dengan memberi fokus kepada dorongan terhadap nilai ganjaran (biasanya berbentuk material) daripada sesuatu aktiviti.

Kajian ini berpendapat, pendekatan Denny dalam motivasi sikap tidak bercanggah dengan pendekatan Islam yang begitu menekankan elemen kesejahteraan rohani dan naluri fitrah diri. Namun, dalam konteks motivasi insentif, Islam tidak terikat kepada insentif ganjaran berbentuk wang atau

⁶² Ahmad bin Alī bin Hajar (t.th.), *Fath al-Bārī*, juz.1, (t.t.) : Dār al-Fikr, Bab : Man Khassa bi al-'Ilm Qauman Duna Qaumin Karahiyatan An La Yafhamu, hadis no. 49, h. 225

⁶³ Richard Denny (1993), *op. cit.* , h. 14

kebendaan semata-mata kerana Islam mempunyai pelbagai bentuk insentif lain seperti elemen keberkatan, kerahmatan, ketenangan, ganjaran dosa atau pahala malah juga syurga atau neraka. Nilai insentif lain seperti dalam bentuk ucapan, kata-kata dan kenyataan yang baik, demikian juga elemen pengiktirafan, pengakuan atau puji-pujian kesemuanya termasuk dalam perkara yang amat diperlukan dalam motivasi Islam⁶⁴.

iv. Dari Sudut Keberkesanan Program :

Suatu program motivasi yang dianggap berkesan memang bergantung kepada banyak perkara yang saling kait mengait dengan keseluruhan perjalanan program yang ada.

Beberapa faktor yang dapat dikenal pasti ialah dengan merujuk kepada persekitaran yang baik dan sesuai contohnya seperti dari sudut kemudahan, peralatan, kesesuaian, kebersihan dan sebagainya. Dari sudut penampilan luaran diri (*body language*) dan imej peribadi pula, penampilannya perlu kelihatan lebih bersemangat seperti memek muka yang sentiasa ceria di samping mata yang sihat dan cergas yang kesemuanya merupakan penyampai mesej motivasi bagi seseorang. Seterusnya, dari sudut berkomunikasi pula, perbicaranya banyak ditumpukan kepada persiapan masa depan termasuk apa yang akan dirancang dan dilakukan, soal masa lampau yang pincang hanya akan digunakan sekadar pengalaman untuk mengenal pasti masalah bagi digantikan dengan kejayaan. Orang yang bermotivasi adalah yang mempunyai watak terpuji seperti sentiasa bersikap positif dan bermotivasi apabila ada sesuatu tujuan, malah sentiasa mengharap untuk berjaya pada keseluruhan masa.⁶⁵

Islam tetap berpandangan positif terhadap semua pendekatan selagi tidak bercanggah dengan peraturan syarak. Oleh itu, kajian ini telah menerima semua faktor yang membawa kesan dan natijah yang baik dalam motivasi kerana masih di dalam batas-batas yang sihat dan tidak bercanggah dengan pendekatan Islam.

⁶⁴ Naceur Jabnoun (1994) , *Islam And Management* , Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar, h. 139. Rujuk juga perbahasan dalam disertasi ini bab 2.5 atas tajuk “Elemen Motivasi Dakwah”.

⁶⁵ Richard Denny (1993), *op. cit* , h. 14 - 17

Rumusan Bagi Metode Dalam Motivasi :

Dalam menangani persoalan metode ini setiap pendakwah atau *motivator* seharusnya memiliki penguasaan (الاستعاب) dalam pelbagai persiapan antaranya :⁶⁶

- i. Persiapan ilmu dan keintelektualan.
- ii. Menguasai ilmu dakwah (atau ilmu motivasi) dengan baik.
- iii. Memahami metode memindahkan maklumat kepada *al-mad'ū*.
- iv. Menggunakan pendekatan yang paling tepat dan efektif.
- v. Mengenali dan meneliti latar belakang *al-mad'ū*.
- vi. Mampu menyelami suasana, masa dan tempat yang sesuai untuk disampaikan dakwah (atau motivasi).
- vii. Penggunaan kata-kata yang tepat, baik dan sempurna.

Melalui penjelasan di atas dapat difahami bahawa istilah penguasaan (الاستعاب) merupakan suatu konsep yang meliputi metode, pendekatan, taktik, teknik, strategi dan seumpamanya yang sangat diperlukan untuk menghadapi apa sahaja golongan samada mereka terdiri daripada golongan intelektual, orang awam atau antara keduanya seperti yang ditekankan oleh Muhamad 'Abduh tersebut.

2.2.3 Teori Memotivasi Manusiа :

Merujuk kepada pendekatan untuk memotivasi manusia, di sana terdapat sekurang-kurangnya lima teori yang boleh dikaitkan dengan item tersebut⁶⁷ dan kajian ini akan cuba melihat kaitannya dengan praktikal Islam :

2.2.3.(a) Teori Pengurangan Dorongan :

Pendekatan dalam teori ini ialah menekankan perhatian kepada mekanisma-mekanisma motivasi dalaman. Teori ini melihat bahawa setiap orang memiliki dorongan atau kehendak biologi seperti makanan, air, udara, seks dan lain-lain

⁶⁶ M. Natsir (1980), *op. cit.*, h. 160

⁶⁷ Ensiklopedia Malaysiana (1996), *op. cit.*, h. 464 – 465 .

keperluan. Kehendak yang tidak dipenuhi akan menyebabkan dorongan untuk mendapatkannya bertambah kuat.

Teori pengurangan dorongan bermaksud manusia mempunyai motivasi untuk mengurangkan dorongan dengan memenuhi keperluan terhadapnya. Dalam konteks motif sosial apabila seseorang itu merasa ingin tahu sesuatu ilmu atau maklumat, ia akan mendorongnya membaca, mengkaji dan mendapatkan jawapan. Setelah keperluan dipenuhi bererti ia telah mengurangkan dorongan terhadapnya dan ia juga telah meneguhkan cara untuk mendapatkan keperluan tersebut.

Al-Quran telah membawakan contoh tentang pengurangan dorongan ini, jika ditadbir dengan sempurna ia akan melahirkan natijah yang sempurna juga, antaranya seperti dorongan berkahwin dan kasih sayang. Firman Allah :

وَمِنْ هَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِتَشْكُرُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ ﴿٦﴾

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung (senang hati) dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.⁶⁸

Ayat di atas menjelaskan tanda-tanda kebesaran dan rahmat-Nya iaitu dengan meletakkan dorongan untuk berkahwin, melahirkan zuriat, dan dorongan kasih sayang di dalam hati yang boleh menjamin hidup secara aman dan bertanggungjawab. Tanpa kasih sayang daripada ibu bapa anak-anaknya akan mati kelaparan dan tanpa kasih sayang daripada anak-anaknya pula orang-orang tua akan mati terbiar.⁶⁹

2.2.3.(b) Teori Incentif (Incentive) :

⁶⁸ Surah al-Rûm (30), ayat 21 :

⁶⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin (1995), *Keagungan Pencipta*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67

Pendekatan yang ditekankan dalam teori ini ialah kepentingan rangsangan luaran dalam memotivasi sesuatu tingkah laku individu. Teori ini lebih banyak difokuskan kepada suatu yang boleh menarik perhatian seseorang (*pulling*) daripada suatu yang boleh membangkitkan dorongannya (*pushing*).⁷⁰ Contohnya walaupun seseorang pelajar itu telah memenuhi keperluan akademiknya dengan cemerlang, namun jika ada insentif berbentuk tawaran untuk peringkat yang lebih tinggi ia masih boleh merangsang mereka untuk mendapatkan peluang yang ditawarkan itu.

Teori insentif terbahagi kepada dua bentuk ; pertama insentif yang bersifat positif contohnya perkara yang berkaitan dengan suasana seronok dan menggembirakan, ia seringkali menjadi pilihan kepada manusia, kedua ialah insentif yang bersifat negatif contohnya peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan masa lampau yang pernah menyakitkan hati dan perasaan, ia kebiasaan akan dijauhi oleh manusia.

Sīrah Islam pernah mencatatkan bahawa elemen insentif mampu menjadi satu kekuatan penggerak dalaman untuk mencapai sesuatu matlamat. Sebagai contoh insentif pengiktirafan oleh Nabi s.a.w. kepada Umm Umara (Nusaibah Binti Ka'ab) dalam peperangan Uhud apabila beliau meminta Nabi s.a.w. mendoakan sesuatu untuknya, Nabi s.a.w. berdoa maksudnya :

Ya Allah ! Letakkanlah mereka bersama-samaku di syurga nanti .

Mendengarkan doa yang terlalu menggembirakan itu tanpa disedari terkeluar kata-kata dari bibirnya dengan penuh bersemangat :

Sekarang aku tidak peduli lagi dengan sebarang penderitaan di dunia ini.

Umm Umara terus berjuang berhempas pulas. Keberaniannya melindungi Nabi s.a.w. diiktiraf oleh baginda dalam sabdanya yang bermaksud :

⁷⁰ Robert C. Beck (1983), *op. cit.*, h. 191

*Ke kiri dan ke kanan, arah mana sahaja aku berpaling aku melihat Umm Umara terus menyerang dan melindungiku.*⁷¹

Melalui perbincangan di atas dapat difahami bahawa dalam teori insentif ini terdapat elemen-elemen motivasi ekstrinsik yang lain seperti peluang, ganjaran, pangkat, kedudukan, hadiah, bonus, sijil dan sebagainya.

2.2.3.(c) Teori Jangkaan (*Expectancy*):

Teori ini membicarakan bagaimana cara manusia menjangkakan tentang apa yang akan berlaku sekiranya suatu tingkah laku itu dilaksanakan.

Manusia sentiasa bermotivasi melakukan sesuatu jika ia diharapkan atau dijangkakan berkebolehan untuk mencapai kejayaan. Sebaliknya jika pada jangkaannya hasil daripada suatu tingkah laku tersebut adalah kegagalan maka ia akan menjauhinya.

Menurut Beck jika manusia dilihat sebagai insan yang rasional maka ia perlu sering dimotivasikan melalui nilai-nilai penjangkaan, suatu nilai penjangkaan boleh dikenal pasti melalui faktor-faktor kebarangkalian bercampur dengan nilai-nilai yang akan dicapai.⁷² Seorang pelajar yang telah menjangka kebarangkalian akan mendapat “ Anugerah Naib Canselor ” melalui usaha gigih dalam peperiksannya, ia akan lebih bermotivasi mengatur usahanya dengan sebaik mungkin. Sebaliknya jika pada jangkaannya segala usaha yang dilakukan tidak akan mendapat sebarang nilai ganjaran atau akan hanya menerima keputusan negatif maka ia tidak akan memiliki roh motivasi untuk melaksanakannya.

Jika merujuk kepada praktikal Islam, orang Islam seringkali dimotivasikan dengan nilai-nilai penjangkaan contohnya kurniaan pahala, rahmat, keberkatan, keampunan, keredaan, balasan syurga serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Menurut al-Khatib di antara beberapa kaedah membina perjuangan yang diwarisi daripada orang-orang Islam terdahulu (salaf) ialah suntikan iman dan keyakinan

⁷¹ Afzalur Rahman (1993), *Ensiklopedia Sirah* (terj. Badrul Hisham Hassan et al.), jilid 5, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 792-793

⁷² Ensiklopedia Malaysiana (1996), *op. cit.*, h. 464

yang teguh terhadap kemenangan yang telah dijanjikan Allah kepada golongan yang beriman seperti firman-Nya yang bermaksud :⁷³

*Dan sememangnya menjadi tanggungjawab Kami menolong orang yang beriman.*⁷⁴

2.2.3.(d) Teori Peneguhan (*Reinforcement*) :

Motivasi sebenarnya tidak hanya bergantung kepada mereka yang amat berpotensi atau yang melakukan sesuatu tugas dengan baik dan berkesan, motivasi juga harus melibatkan faktor peneguhan khususnya pemberian nilai dan ganjaran selepas sahaja sesuatu yang baik dilakukan. Nilai ganjaran akan dilihat sebagai satu bentuk insentif bagi melaksanakan sesuatu tingkah laku.

Teori peneguhan boleh dilihat dalam dua situasi iaitu peneguhan positif (*positive reinforcement*) dan juga peneguhan negatif (*negative reinforcement*). Peneguhan positif ialah perlakuan atau dorongan kepada suatu yang disukai sama ada dalam bentuk kebendaan, pujian, sosial dan sebagainya. Manakala peneguhan negatif ialah perlakuan atau dorongan kepada suatu yang tidak disukai atau yang menyakiti, yang ingin dihindari oleh seseorang.⁷⁵

Dalam konteks dakwah Islam sama ada daripada al-Quran atau hadis Nabi s.a.w. dorongan-dorongan dalam bentuk ini sering dilakukan. Antara contoh peneguhan positif ialah dorongan supaya beriman dengan apa yang disampaikan, melakukan amal soleh, menuntut ilmu, berjihad, berakhhlak mulia, bertakwa dan sebagainya.⁷⁶ Contoh firman Allah tentang galakan supaya beriman dan berjuang menimba ilmu :

يَرْفَعَ اللَّهُ أَلَّذِينَ عَمَّنْ وَمِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

*Allah akan meninggikan orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat.*⁷⁷

⁷³ Muhammad ‘Abdullâh al-Khatîb (1991), *op. cit.* , h. 33

⁷⁴ Surah al-Rûm (30), ayat 47

⁷⁵ Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. (1999), *op. cit.* , h.190

⁷⁶ *Ibid.* , h. 190 - 191

⁷⁷ Surah Al-Mujâdalah (58), ayat 11

Ayat di atas menjanjikan martabat yang tinggi kepada golongan mukmin sama ada di dunia dan seterusnya di akhirat. Allah juga meninggikan status mulia para ulama. Allah menyatakan bahawa sesiapa yang menghimpunkan antara iman dengan ilmu, Allah akan meninggikan statusnya melalui jalan imannya beberapa darjah manakala melalui jalan ilmunya pula beberapa darjah yang lain.⁷⁸

Contoh daripada hadis Nabi s.a.w. pula yang diriwayatkan oleh Muslim :

نَعْدُوَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ رَوْحَةٌ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا
رواه مسلم

Suatu pagi atau suatu petang berada di jalan Allah lebih berharga daripada dunia ini dan segala isinya.⁷⁹

Hadis di atas menggalakkan orang Islam berusaha dan berjuang di jalan yang direndah Allah dengan menjanjikan mereka suatu pembalasan yang tidak tergambar nilainya iaitu dunia dan segala isinya yang akan diberikan kepada mereka sebagai ganjaran bagi jangka masa sepagi atau sepetang sahaja.

Antara contoh peneguhan negatif ialah yang digunakan untuk mempengaruhi dan mendorong sasaran supaya menerima ajaran yang disampaikan, tidak menolak kebenaran, tidak derhaka, tidak menjadi golongan jahat, tidak tertipu dengan godaan dunia, syaitan dan sebagainya.⁸⁰

Contoh gesaan supaya tidak melakukan penyelewengan telah dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran:

مَتَّعْ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَهَادُ

*Semuanya itu hanyalah kesenangan yang sementara kemudian tempat kembali mereka ialah neraka jahanam dan ia adalah seburuk-buruk tempat tinggal.*⁸¹

⁷⁸ Wahbah al-Zuhaili, Prof. Dr. (1991), *op. cit.*, juz. 28, h. 41

⁷⁹ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawāwī (t.th.), *op. cit.* juz.13, Bab : Fadl al-Ghadhab wa al-Rauhah Fi Sabil Allah, h. 26

⁸⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin, Prof. Dr. (1999), *op. cit.* , h.199

⁸¹ Surah Ali Imrān (3), ayat 197

Ayat di atas menggesa supaya manusia tidak melakukan penyelewengan atau menyimpang dari tugas asal mereka iaitu mengabdikan diri kepada Allah dan tidak terpengaruh dengan kesenangan dunia yang sementara kerana balasannya adalah kecelakaan dalam neraka jahanam.

Contoh daripada hadis Nabi s.a.w. pula :

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًىٰ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْرِهِ
مَنْ تَبَعَّدَ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئاً وَمَنْ
دَعَا إِلَى ضَلَالٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْأَنْوَافِ مِثْلُ أَنَافِ
مَنْ تَبَعَّدَ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَنَافِهِمْ شَيْئاً .

رواه مسلم

Siapa yang mengajak kepada petunjuk, maka baginya pahala seperti pahala orang yang mengikutinya dengan tidak mengurangkan pahala-pahala mereka sedikit pun. Dan siapa yang mengajak kepada kesesatan maka ia akan mendapat dosa seperti dosa orang yang mengikutinya dengan tidak mengurangkan dosa-dosa mereka sedikit pun.

Riwayat Muslim.⁸²

Hadir di atas mengingatkan manusia supaya berhati-hati dalam memilih cara hidup. Mengajak orang lain ke arah kebaikan akan dianjarkan dengan pahala kebaikan, sebaliknya jika mengajak mereka ke arah kesesatan akan dianjarkan dengan dosa.

Melalui perbahasan di atas dapat difahami bahawa dalam teori peneguhan ini terdapat elemen-elemen motivasi ekstrinsik kerana ia melibatkan elemen berbentuk luaran seperti ganjaran, pahala, bonus, pujian, pengiktirafan, hadiah, sijil, penerimaan malah termasuk juga denda dan hukuman.

2.2.3.(e) Teori Motivasi Intrinsik (*Intrinsic*) :

Tidak semua tingkah laku boleh dibentuk melalui kaedah peneguhan. Ada sesetengah tingkah laku dilakukan kerana individu itu mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau intrinsik hasil daripada sesuatu aktiviti. Teori intrinsik

⁸² Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 16, Bab : Man Sanna Sunnatan Hasanah aw Sayyi'ah wa Man Da'ā ilā Hudān aw Dalālah h. 227.

menyatakan bahawa ganjaran bagi suatu tingkah laku akan diperolehi daripada rasa kepuasan hati hasil daripada perlaksanaan suatu kerja. Contohnya terdapat mereka yang merasa "senang hati" apabila dapat membantu pengemis dengan memberikan wang kepada mereka.⁸³

Jika merujuk kepada Islam, motivasi intrinsik memang telah sedia wujud malah telah pun menjadi sebahagian daripada ciri-ciri keistimewaan Islam. Namun metode pendekatannya adalah di atas asas akidah (iman) atau kebenaran (*al-haq*) atau pun naluri secara fitrah dan bukan atas dorongan psikologi seperti pandangan motivasi konvensional.

Sebagai contoh, penampilan peribadi mulia Nabi s.a.w. melalui cernaan akhlaknya seperti ketulusan hati, kehalusan budi pekerti, kecekalan pengorbanan, ketelitian tindakan dan banyak lagi sifat-sifat keistimewaanya ketika menyebarkan risalah Islam adalah semata-mata untuk memberi manfaat kepada manusia bahkan kehadirannya adalah untuk menjadi rahmat kepada alam seluruhnya⁸⁴.

Kecemerlangan Islam diteruskan oleh para sahabat yang memiliki keperibadian unggul, begitu juga dengan generasi ulama selepasnya yang telah meneruskan penerokaan semua cabang ilmu pengetahuan dan seni, menghubungi jambatan kebudayaan antara yang kuno dan moden, menerangi Cordova dengan sinaran keintelektualan, menghambat kegelapan Eropah pada abad pertengahan lalu melahirkan zaman Renaissance di Barat.⁸⁵ Semua tenaga yang dicurahkan adalah dengan bantuan motivasi intrinsik yang begitu cemerlang.

Melalui perbahasan di atas dapat difahami bahawa elemen intrinsik Islam telah dibuktikan mampu menjamin kelangsungan tingkah laku sempurna dan terhindar daripada kesesatan. Menurut al-Bahî sesuatu kemahuan jika tidak dikendalikan oleh *al-haq* maka kebatilan akan mengambil kesempatan menyuntik jarum cita-cita jahatnya⁸⁶

⁸³ Ensiklopedia Malaysiana (1996), *op. cit.*, h. 465

⁸⁴ Sila rujuk firman Allah surah al-Anbiâ' (21). ayat 107

⁸⁵ Jamil Ahmad (1988), *Hundred Great Muslims* (terj. Syarikat S. Abdul Majeed), Kuala Lumpur : Syarikat S. Abdul Majeed, h. xii

⁸⁶ Al-Bahî al-Khûlî (1984), *op. cit.* , h. 187

Sīrah Islam pernah melakarkan contoh dorongan motivasi intrinsik atas dasar kemantapan iman iaitu ketika di dalam peperangan Uhud, Abu 'Ubaidah al-Jarrah dengan rasa penuh kasih dan hormat telah berjaya mencabut dua batang besi yang tertusuk ke pipi Nabi s.a.w. menerusi topeng muka baginda. Abu 'Ubaidah dengan penuh kesungguhan dan berhati-hati telah mencabutnya dengan menggunakan gigi hadapannya, namun tanpa disangka dua batang giginya pula turut tercabut sama.⁸⁷

Melalui *sīrah* juga dicatatkan, setelah seorang Badwi memeluk Islam beliau telah bergegas ke medan perang. Apabila perang tamat, Nabi s.a.w. telah memberikan *ghanīmah* (harta tawanan perang) kepadanya, tetapi beliau menyatakan :

Ya Rasulullah ! Aku mengikutimu bukan kerana kebendaan itu tetapi agar diriku terkena anak panah di sini (sambil menunjukkan ke arah kerongkongnya).

Nabi s.a.w. menjelaskan maksudnya :

Jika engkau benar-benar percaya kepada Allah, Dia akan membuktikan kebenaran kata-katamu.

Akhirnya beliau benar-benar terkena anak panah di lehernya dan syahid, lalu Baginda s.a.w. menyatakan kepada para sahabat :

Dia benar-benar percaya kepada Allah dan Allah telah membuktikan kebenaran kata-katanya.⁸⁸

Melalui paparan di atas dapat dinyatakan bahawa rasa seronok, senang hati, berminat, berkeinginan, kemahuan, keazaman, rasa puas, rasa ikhlas dan juga rasa reda merupakan antara contoh-contoh elemen motivasi intrinsik.

Rumusan Kepada Lima Teori Motivasi Manusia :

⁸⁷ Khālid Muhammad Khālid (t. th.), *Rijāl Haula al-Rasūl*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 240
⁸⁸ Muhammad 'Abdullāh al-Khaṭīb (1991), *op.cit.*, h. 47

Paparan lima teori di atas menggambarkan bahawa untuk memotivasi manusia memang perlu kepada kepelbagaiannya cara pendekatan, dengan kepelbagaiannya itu dapatlah dipastikan apakah perkara yang boleh memotivasi mereka dan bagaimana pula mereka boleh dimotivasi.

Perbahasan di atas juga jelas menunjukkan ia tidak bercanggah dengan pendekatan yang ada di dalam Islam kerana ajaran Islam telah pun menerap dan melaksanakan semua kaedah tersebut tetapi dalam bentuk yang agak berbeza di antaranya ialah :

- i Falsafah galakan atau dorongan di dalam Islam adalah lahir daripada asas iman atau pun akidah.
- ii Fokus dorongan pula seharusnya dirujuk terus kepada nilai-nilai kebenaran (*al-haq*) kerana kebenaran datangnya daripada Tuhan. Allah berfirman :

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُ مِنَ الْمُمْتَنِينَ ﴿٦﴾

Kebenaran itu adalah datang daripada Tuhanmu, oleh itu janganlah kamu termasuk orang yang ragu.⁸⁹

Ayat di atas memerintahkan kita agar *al-haq* dijadikan sebagai indikasi utama dalam melakukan sesuatu penilaian dan pertimbangan kerana pengaplikasiannya bererti mengiktiraf Allah sebagai Pencipta kepada manusia yang ingin dimotivasi.

iii Sumber bagi mencari nilai-nilai kebenaran adalah melalui sumber wahyu iaitu al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. di samping *sīrah* para sahabat dan ulama yang muktabar.

iv Nilai dorongan pula adalah yang tidak bertentangan dengan naluri fitrah manusia kerana naluri tersebut mampu mendorong manusia ke arah kebaikan.

⁸⁹ Surah Āli ‘Imrān (3), ayat 60

2.3 KEPENTINGAN MOTIVASI :

Telah menjadi lumrah bagi kehidupan manusia di dunia yang kompleks ini untuk memiliki persepsi dan tanggapan yang pelbagai terhadap nilai dan erti kehidupan. Manusia mengharungi kehidupan berbekalkan sifat kelemahan dan kekuatannya. Pertembungan di antara dua sifat inilah yang telah mewarnai kepelbagaiannya persepsi dan tanggapan seperti di atas.

Menurut Yusoff Mohamad, uzlah Nabi s.a.w. ke Gua Hira' adalah termasuk dalam proses menyorot ke dalam diri (*the process of internalisation*) untuk melihat nilai kekuatan dan kelemahan diri dalam mencari kaedah untuk melaksana dan membuat perubahan.⁹⁰

Proses yang dilalui oleh Baginda s.a.w. dalam peringkat awal kerasulan ini menggambarkan pentingnya elemen pembinaan insan yang memfokuskan kepada pembersihan jiwa, membetulkan keyakinan dan pembinaan rangsangan motivasinya sebelum ditampilkan untuk membina manusia serta membentuk akhlaknya.

Suatu pembentukan amat memerlukan semangat pengorbanan dan nilai motivasi yang tinggi. Kesusahan dalam mengendalikan usaha pembentukan itu umpama kepayahan ketika melebur berlian mentah yang berasal daripada "batu kesat"; setelah menjalani canaian dan geseran yang begitu banyak barulah boleh menjelma sebagai sebutir berlian yang bergemerlapan.⁹¹ Walaupun demikian, dalam konteks melebur dan mencanai manusia supaya menjadi insan yang cemerlang, ia tetap jauh lebih sukar daripada yang dapat difikirkan kerana ia terpaksa melibatkan sasaran yang sentiasa bergerak termasuklah hati, motivasi, persiapan yang rapi, pelbagai pengaruh persekitaran di samping suratan takdir daripada Tuhan.

⁹⁰ Yusoff Mohamad (1989), *Bina Insan Satu Analisis Kaedah*, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, h. 29

⁹¹ Billi P. S. Lim (2001), *Berani Gagal*, (cet. 6), Selangor : Hardknocks Factory Sdn. Bhd ., h. 61

2.3.1 Motivasi Terhadap Fitrah Manusia :

Elemen kelemahan dan kekuatan yang menjadi fitrah bagi kejadian manusia ini jika ingin dilakukan proses motivasi ia sekurang-kurangnya melibatkan dua skop perbincangan iaitu :⁹²

2.3.1.(a) Dari sudut kelemahan (weaknesses) :

Merujuk kepada elemen ini, al-Quran telah memaparkannya dalam pelbagai variasi bahawa penciptaan manusia secara fitrahnya adalah makhluk yang bersifat lemah⁹³. Allah telah berfirman :

وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

*Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah.*⁹⁴

Ayat di atas menggambarkan hakikat sebenar manusia sebagai makhluk yang lemah lantaran wujudnya pelbagai pengaruh yang sentiasa cuba mempengaruhi dirinya seperti nafsu syahwat, sifat marah, tidak sabar dan sebagainya.⁹⁵ Mesej di sebalik kelemahan tersebut ialah supaya manusia bergantung harap kepada Allah.

Menurut Mohd.Yusof Othman, antara beberapa kelemahan manusia yang dikenal pasti ialah peribadi yang malas untuk berfikir dan jika mereka mahu berfikir atau bertindak ia lebih bersifat stereotip, pembangunan mindanya terpenjara, suka membuat helah membela diri, suka meremehkan perkara yang sebenarnya tidak remeh, wujudnya perbezaan pendapat dan tidak berfikir secara sarwajagat dan sebagainya.⁹⁶

⁹² Pembahagian ini mengambil sebahagian daripada pendekatan SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats), sila rujuk Rodney Overton Afaim (2002). *Are You An Entrepreneur ?*, Singgapura : Wharton Books (s) Pte. Ltd., h. 35

⁹³ Sila rujuk firman Allah yang lain yang menggambarkan kelemahan manusia seperti sifat "susah payah" dlm. surah al-Balad (90), ayat 4, sifat "gopoh gapah" dlm. surah al-Isrā' (17), ayat 11, sifat "suka memprotes" dlm. surah al-Kahfi (18), ayat 72 dan sebagainya.

⁹⁴ Surah al-Nisā' (4), ayat 28

⁹⁵ Wahbah al-Zuhailī, Prof. Dr. (1991), *op. cit.*, juz. 5, h. 28 - 29

⁹⁶ Mohd. Yusof Hj. Othman (2000), *Menjejak Kualiti Menjana Kecemerlangan* , Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45 - 58

Menurut Mohd. Kamal Hasan, terdapat 15 gejala sosial yang melibatkan kelemahan pelajar Melayu (5 fakta daripada kalangan Melayu elit dan 10 fakta lagi daripada kaum belia dan orang awam) yang kesemuanya tidak wajar dipertahankan oleh peradaban Melayu ; (i) Melayu elit yang mengamalkan liberal-sekular sehingga hukum Islam sanggup diketepikan kerana mengutamakan kebendaan, (ii) gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak dengan barang import dan mewah, (iii) sindrom politik wang, (iv) Sindrom kelemahan moral (rasuah, penipuan, nepotisme dan kronisme), (v) amalan tuan-hamba atau patron-klien (kepatuhan yang natijahnya lumayan, tetapi penentangan dianggap penderhaka dan buruk padahnya), (vi) gejala lepak, ketagih dadah, seks rambang dan kenakalan remaja, (vii) sindrom mediokriti (sikap tidak apa, rendah daya saing dan daya tahan), (viii) sindrom bergantung kepada biasiswa, subsidi, bantuan pinjaman, pemberian kontrak dan sebagainya), (ix) ketakutan kepada matematik-sains, (x) kecenderungan untung segera, (xi) meletakkan nilai yang rendah terhadap masa, (xii) orientasi akhirat dan amalan kerohanian yang keterlaluan dan taksub, (xiii) Kepercayaan kepada iahyul, (xiv) gejala fitnah dan umpatan serta mengelak perdebatan terbuka dan tulus dan (xv) amalan ajaran sesat.⁹⁷

Kajian Noraini Ismail mengenai kelemahan pelajar Melayu yang dikaitkan dengan pengaruh fahaman pragmatisme mendapati para pelajar daripada tingkatan 2, 4 dan 6 yang menuaikan solat lima waktu sehari semalam hanya melibatkan 49% sahaja, manakala 51% lagi dalam keadaan tidak menentu. Malas menjadi antara punca utamanya iaitu melibatkan 31%. Dalam perkara yang melanggar batasan agama seperti suka menipu melibatkan sebanyak 84%, manakala mencuri pula 37%. Tambah menyedihkan ialah dalam item pembinaan dan pembangunan manusia contohnya budaya minat membaca buku-buku motivasi hanya sekadar 3% berbanding novel 21% dan sains fiksyen 11%.⁹⁸

⁹⁷ Mohd.Kamal Hasan, Prof.Dr.(2000),“Globalisasi dan Peradaban Melayu : Nilai-Nilai dan World-View Yang Wajar Dipertahankan ?”, dlm. *Muslimah*, Disember 2000, h. 50

⁹⁸ Noraini Ismail (2001), *Pengaruh Falsafah Pragmatisme Ke Atas Pemikiran Pelajar Melayu Islam : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Vitoria, Kuala Lumpur*. Tesis MA Universiti Malaya, h. 125 - 136

Faktor-faktor penyebab kepada kelemahan pelajar tersebut sudah pasti melibatkan banyak perkara. Antaranya menurut Marinal Bt. Hussin, guru sendiri merupakan penyebab utama murid terlibat dengan perbuatan tidak berdisiplin di sekolah. Kelemahan guru seperti kurang daya inisiatif, kurang bermotivasi, kurang kreatif, tidak membuat persediaan mengajar, bersikap ekstrim dalam melaksanakan arahan dan peraturan sama ada terlalu keras atau terlalu lembut telah menjadikan murid tidak berminat dengan sekolah. Pelajar yang tidak mempunyai komitmen dan tidak berminat terhadap sekolah akan mudah melanggar disiplin sekolah.⁹⁹

Abd. Latiff pula berpendapat, arah aliran yang wujud di sekolah atau institusi pendidikan masa kini hanya memberikan tumpuan kecemerlangannya kepada peperiksaan semata-mata sehingga menyebabkan para guru tidak dapat berfungsi sebagai pendidik tetapi sekadar menyampai ilmu atau maklumat. Oleh itu aspek-aspek psikososial telah diabaikan dan para pelajar berdepan dengan pelbagai masalah seperti tekanan jiwa, tidak tahu cara belajar yang betul serta kehilangan dorongan dan motivasi untuk belajar.¹⁰⁰

Douglas pernah menyatakan, sekitar 80% dari kalangan pelajar sekolah menengah tinggi dan kolej jahil mengenai apa yang mereka akan lakukan. Mereka umpsama kuda-kuda yang digunakan ketika musim menuai di ladang, mereka berjalan mundur-mandir setiap hari, mereka makan, tidur dan kembali semula di tempat pengisar usang yang sama.¹⁰¹

Dari perspektif yang lain pula, perasaan bimbang dan fikiran yang bercelaru ada kalanya juga menjadi penyebab kemunduran seseorang. Kajian Douglas mendapati, manusia umumnya bimbang kerana pelbagai sebab ; kerana perkara-perkara yang mereka sendiri tidak boleh mengubahnya melibatkan 30%, mengenai perkara yang belum pernah berlaku melibatkan 40%, yang tidak perlu dibimbangi seperti berkaitan kesihatan melibatkan 12%, perkara remeh temeh dan pelbagai

⁹⁹ Marinal Bt.Hussin (1998), *Salah Iaku Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes* , Tesis MA Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, h. 6

¹⁰⁰ Hj. Abd. Latiff Md. Ali (1992), Kaunseling Dalam Pendidikan Menengah, dlm. *Bimbangan dan Kaunseling*, disunting oleh Arthur P Lloyd dan Aminah Hj.Hashim, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15

¹⁰¹ Mack R. Douglas (1995), *op. cit.*, h. 19

melibatkan 10%, manakala masalah sebenar hanya 8%. Oleh itu 92% daripada perkara-perkara yang dibimbangi oleh manusia ialah mengenai perkara-perkara yang tidak dapat dikawal malah yang boleh membinaaskan.¹⁰²

Dari aspek psikologi pula, Lazarus dan Launier berpendapat semua manusia terangsang untuk mencari kegembiraan dan kebahagiaan dalam hidup, di samping cuba mengelak daripada perkara yang menyebabkan kesedihan, penderitaan dan kekecewaan. Namun manusia sering terperangkap dengan pelbagai gangguan yang tidak menyenangkan malah kadangkala amat sukar untuk mencari jalan keluarnya.¹⁰³

Melalui aspek gangguan pula, dunia pelajar sering berdepan dengan isu kenakalan remaja atau delinkuen¹⁰⁴. Menurut Bahagian Hal Ehwal Awam Jabatan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman melaporkan selama tiga tahun (1994–1996) remaja yang ditangkap kerana kesalahan jenayah harta benda dan juga kekerasan seramai 5,546 (11.45%) orang daripada jumlah keseluruhan yang ditangkap 48,419 orang. Daripada jumlah 5,546 itu ; sebanyak 884 (15.94%) orang ditangkap kerana kesalahan jenayah kekerasan seperti bunuh, samun, rogol dan mencederakan manusia, manakala 4,462 (84.06%) orang ditangkap kerana kesalahan jenayah harta benda seperti pecah rumah dan mencuri. Perincian mengikut peringkat umur pula, yang paling banyak terlibat dengan jenayah ialah antara 15–18 tahun iaitu seramai 7,614 (63.23%) orang, umur 13–15 tahun seramai 3,814 (31.67%) orang dan umur 10–12 tahun pula seramai 612 (5.08%) orang.¹⁰⁵

Dapat difahami bahawa elemen kelemahan adalah fitrah bagi manusia, ia tetap wujud walau di mana dan bagaimana manusia itu berjuang terhadapnya. Yang penting setiap individu perlu sedar di manakah kekurangan yang ada pada

¹⁰² *Ibid*, h. 77

¹⁰³ R.S.Lazarus dan R.A.Launier (1978), Stress-related transactions between person and environment, dlm. A.L. Raymond (1997), Stress Balance and Emotional Life Complexes in a historically African American College, *The Journal of Psychology*,13(2), h.175 - 186

¹⁰⁴ Dalam bahasa Undang-Undang disebut “ Juvenile Delinquent ”. Dalam Sains Sosial didefinisikan sebagai remaja sekitar lingkungan umur 16–18 tahun yang melanggar undang-undang, sila rujuk Bruce L. Berg (1998), *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*, (3rd edit.), Boston : Allyn and Bacon, h. 24

¹⁰⁵ *Mingguan Malaysia*, 23 Februari 1997.

diri mereka dan kemudian mencari elemen-elemen yang boleh dibuat perubahan, mencari dorongan dan jalan keluar daripadanya sambil bertawakal kepada Allah¹⁰⁶.

2.3.1.(b) Dari sudut kekuatan (*strength*) :

Walaupun kejadian manusia dari sudut fitrahnya bersifat lemah, namun dari sudut yang lain Allah telah membekalkan manusia dengan pelbagai kekuatan¹⁰⁷. Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian¹⁰⁸. Allah bekalkan mereka dengan kesempurnaan fizikal, kekuatan ilmu, boleh berfikir, berbicara, mampu mentadbir dan memiliki kebijaksanaan yang membolehkannya menjadi khalifah untuk menguruskan bumi.¹⁰⁹

Justeru itu, manusia memiliki potensi untuk dibangunkan kerana manusia mempunyai naluri terhadap keperluan untuk berjaya (*need for achievement*). Keperluan untuk berjaya ini adalah suatu bentuk perancangan, tindakan dan perasaan yang bersangkutan dengan usaha untuk mencapai suatu tahap kecemerlangan batin. Ia tidak sama erti dengan pengejaran kejayaan-kejayaan lahir seperti mendapat markah yang tinggi dalam ujian, mendapat status yang baik dalam masyarakat atau mendapat gaji yang lumayan walaupun ia melibatkan perancangan dan usaha untuk mencapainya. Sikap terhadap kecemerlangan itulah sebenarnya yang dipentingkan dan bukan kejayaan itu sendiri.¹¹⁰

Bersetuju dengan pandangan di atas, Billi dalam catatannya telah mengetengahkan pandangan yang hampir serupa daripada Moula Le Guin, menurutnya “Ada baiknya jika kita mengetahui kesudahannya bagi sesuatu perjalanan itu supaya memberi hala tuju kepada kita, tetapi yang penting pada

¹⁰⁶ Sila rujuk mafhum firman Allah surah al-Talāq (65), ayat 2

¹⁰⁷ Sila rujuk firman Allah yang lain yang telah menggambarkan kekuatan manusia seperti “alam ditundukkan kepadanya” dlm. surah Ibrāhīm (14), ayat 32 – 34, “dimuliakan Allah daripada makhluk yang lain” dlm. surah al-Isrā’ (17), ayat 70, “bermasyarakat” dlm. surah Āli ‘Imrān (3), ayat 103 dan lain-lain lagi.

¹⁰⁸ Sila rujuk firman Allah surah al-Tin (95), ayat 4

¹⁰⁹ Wahbah al-Zuhailī, Prof. Dr. (1991), *op. cit.*, juz. 30, h. 306

¹¹⁰ Kamsiah Bt Abdullah (1984), *Sikap dan Motivasi Penuntut Melayu Di Sekolah Menengah Singgapore Terhadap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris*, Tesis MA Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, h. 52

kesudahannya adalah perjalanan itu sendiri“. Manakala pandangan daripada Mahatma Gandhi pula “Kepuasan itu terletak pada usaha dan bukan pada pencapaian, usaha yang sempurna adalah kemenangan yang sempurna“.¹¹¹ Oleh yang demikian operasi bagi membina kehidupan amat memerlukan rangsangan dan dorongan motivasi.

Keperluan untuk berjaya juga bergantung kepada satu sifat atau perasaan hendak mengelak daripada kegagalan. Dorongan untuk berjaya dicirikan sebagai kebolehan untuk merasa bangga, dorongan untuk mengelak daripada kegagalan pula dipandang sebagai kebolehan untuk merasa malu jika hasil daripada suatu perlakuan itu gagal.¹¹²

Manusia mempunyai kebolehan untuk menjadi cemerlang kerana manusia diberi kemampuan untuk menghayati sesuatu matlamat, mampu membuat sesuatu perancangan secara rapi, ada keupayaan dan keterampilan yang mampan, memiliki sistem pemantauan yang berkesan, berakhhlak mulia serta bersistematis dalam pengurusan rohaninya.¹¹³

Menurut Saedah Siraj, intelek sebenar boleh dicapai melalui ; (i) pengawalan “unsur haiwan” dan menyuburkan “unsur manusia” dalam diri seseorang, (ii) pembinaan intelek melalui ilmu-ilmu yang utama di sisi Allah dan (iii) pencapaian *magam* (kehendak atau status) di sisi Allah.¹¹⁴

Oleh itu dapat difahami bahawa elemen kekuatan juga merupakan fitrah bagi manusia, bahkan ia menjadi sumber inspirasi bagi mereka untuk melaksanakan tiga tugas besar dan mulia iaitu (i) menjadi khalifah Allah di bumi-Nya¹¹⁵, (ii) untuk mengabdikan diri kepada-Nya¹¹⁶ dan (iii) untuk memakmur dan membangunkan bumi mengikut perintah-Nya¹¹⁷.

¹¹¹ Billi P. S. Lim (2001), *op. cit.*, h. 55

¹¹² Kamsiah Abdullah (1984), *op. cit.*, h. 53

¹¹³ Mohd. Yusof Hj. Othman (2000), *op. cit.*, h. 67 - 87

¹¹⁴ Saedah Siraj, Prof. Madya Dr. (2001), “ Membina Wanita Berilmu, Berintelek Tinggi dan Bijaksana ”, dim. majalah *Muslimah*, Januari 2001, h. 29

¹¹⁵ Sila rujuk firman Allah surah al-Baqarah (2), ayat 30

¹¹⁶ Sila rujuk firman Allah surah al-Dhiiriyat (51), ayat 56

¹¹⁷ Sila rujuk firman Allah surah Hûd (11), ayat 61

2.3.2 Elemen Untuk Motivasi Diri :

Merujuk kepada tiga tugas besar dan mulia di atas, dapat dinyatakan bahawa sebelum manusia itu dapat membangun dan merealisasikan tiga tugas tersebut manusia itu sendiri perlu dibangunkan, perlu menangani semua elemen kelemahan dan kekuatan, perlu mempelbagai persiapan dan kesungguhan, perlukan guru yang mursyid dan yang paling penting ialah dorongan motivasi yang menjadi nadi perjuangannya.

Sesungguhnya, dalam diri manusia itu terlalu banyak ruang-ruang yang memerlukan rangsangan motivasi. Menurut Billi P. S. Lim yang memetik daripada buku “*Emotional Intelligence*” ; paling-paling darjah kecerdasan (*intelligence quotient, IQ*) menyumbang setakat 20 % daripada faktor yang menentukan kejayaan hidup, ertiinya masih ada lagi 80 % yang dipengaruhi oleh kuasa-kuasa lain.¹¹⁸ Antaranya, tentulah datang daripada kuasa rangsangan dan dorongan motivasi.

Menurut kajian Bolduc pula, sekitar 80 % daripada kejayaan seseorang adalah bergantung kepada dorongan motivasinya. Bagi Bolduc, pengetahuan itu bukanlah suatu yang begitu penting berbanding keupayaan individu itu sendiri untuk memotivasi dirinya. Isu ini penting untuk diketahui kerana jika apa yang sedang dilakukan itu tidak membawa hasil ia sepatutnya tidak akan melakukan perkara yang sama berulang-ulang. Ia perlu berfikir mencari pendekatan baru yang menyeluruh bagaimana untuk mencapai kejayaan.¹¹⁹

Menurut Bob Webb, sejarah Presiden Abraham Lincoln tidak pernah pergi ke sekolah tetapi ia membuktikan boleh menjadi presiden kerana dia mempunyai visi yang benar-benar telah memotivasiannya ke arah itu, bahkan visinya begitu

¹¹⁸ Billi P. S. Lim (2001), *op. cit.*, h. 156

¹¹⁹ Michael Bolduc, “ Personal Coaching ”, <http://www.guaranteedcoachingresults.com/>, Julai 2002

hebat sehingga mampu memotivasi kan keliling kelalangnya dan seterusnya mampu memotivasi kan negaranya.¹²⁰

Billi dalam bukunya banyak mendokumenkan pengalaman dan latar belakang tokoh-tokoh terkenal dunia sebagai paparan membina rangsangan dan motivasi para pembacanya, antaranya Mahatma Gandhi (perjuangannya mampu membebaskan India daripada cengkaman British namun beliau mati sebagai pemimpin yang tidak memiliki harta)¹²¹, Henry Ford (bermula sebagai makanik kerana persekolahannya yang terhad tetapi kemudian menerokai industri pengeluaran kereta Ford)¹²², Thomas Alva Edison (1847 – 1931, walaupun ujikajinya yang ke-700 masih lagi gagal, namun kata beliau kepada pembantunya ia bukanlah kegagalan tetapi suatu “pendidikan” bahawa kini kita telah tahu 700 perkara yang tidak patut kita lakukan)¹²³, Charles Goodyear (hartanya habis dikorbankan untuk ujikajinya hingga dituduh gila, ketika di dalam penjara beliau berjaya mencipta kaedah “pem vulkanan” yang mencegah getah daripada cair dan hari ini nama Goodyear dikenali di seluruh dunia)¹²⁴, Soichiro Honda (beliau berkata : “Apa yang orang nampak pada kejayaan saya hanyalah satu peratus tetapi 99 peratus lagi mereka tidak nampak”)¹²⁵, Bill Gates (Pernah tercincir daripada maktab tetapi kini beliau antara individu terkaya di dunia dengan asetnya bernilai RM127.36 bilion pada sekitar tahun 1977) ¹²⁶ dan lain-lain lagi

Merujuk kepada tokoh Perdana Menteri Malaysia ke-4 Tun Dr. Mahathir Mohamad pula, pelbagai pihak kawan dan lawan mengakui visi dan misi perjuangan beliau telah melangkaui bukan sekadar di Malaysia dan rantau Asia malah ke persada dunia, ideanya menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada semua. Pihak UiTM pula telah mengorak langkah melakukan usaha penterjemahan 14 judul buku yang dinamakan “Koleksi Minda Y.A.B. Perdana Menteri” dengan kerjasama Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan mulai semester November 2003 ini subjek “Minda Mahathir” akan dijadikan

¹²⁰ Captain Bob Webb , *op. cit* h. 1

¹²¹ Billi P. S. Lim (2001), *op. cit* , h. 57 - 58

¹²² *Ibid* , h. 75

¹²³ *Ibid* , h. 76

¹²⁴ *Ibid* , h. 166

¹²⁵ *Ibid* , h. 325

¹²⁶ *Ibid* , h. 349

sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikannya dan akan dipelajari oleh semua pelajar UiTM.¹²⁷

Sebagai rumusan, pendekatan motivasi begitu penting dalam konteks pembinaan manusia. Memfokuskan diri dengan motivasi bererti mengambil semua risiko akibat daripada suka dukanya, namun yang penting matlamat utamanya akan tercapai. N. K. Bose, seorang ahli antropologi terkemuka India pernah menyatakan :

*Rahsia kehebatan Gandhi bukan terletak pada tiadanya kelemahan dan kecacatan insani akan tetapi pada kegelisahan jiwanya, usaha gigih yang tiada hentinya serta penglibatannya yang amat bersemangat dalam masalah-masalah manusia sejagat.*¹²⁸

Melalui penjelasan di atas ternyata bahawa semangat dan ketabahan amat diperlukan dalam mengharungi semua cabaran kerana di dalam pertembungan di antara air sungai dengan batu, air sungai masih sentiasa menang, kemenangannya bukan kerana kekuatannya tetapi lantaran ketabahannya.

Tanpa semangat, dorongan motivasi dan juga ketabahan ada kalanya manusia akan hilang pertimbangan. Oleh itu, pelbagai cara dan pendekatan telah diketengahkan oleh pelbagai pihak dalam usaha memasyarakatkan idea pembinaan ini, contohnya melalui slogan-slogan seperti SQ3R (*survey, quest, read, recite, review*)¹²⁹, SWOT (*strength, weaknesses, opportunity, threat*)¹³⁰, 5 Qualification (rohani, jasmani, emosi, intelektual, sosial)¹³¹, SMARTER (*specific, measurable, acceptable, realistic, timely, extending of capabilities, rewarding to those involved*)¹³² dan sebagainya.

¹²⁷ Sumber daripada majlis perasmian penyerahan buku "Minda Y.A.B. Perdana Menteri" oleh Y.A.B. Dato' Seri Diraja (DR) Mohamad Tajol Rosli Bin Ghazali, Menteri Besar Perak di UiTM Cawangan Perak pada 17 Oktober 2003.

¹²⁸ *Ibid*, h. 213

¹²⁹ Wayne Weiten (1998), *Themes & Variation*, (4th ed.), USA : Books/Cole Publishing Company, h. 30

¹³⁰ Sila rujuk *footnote* 92 dalam bab 2

¹³¹ Azizan Baharuddin, Dr. (2000) " Antara IQ dan EQ " dlm. majalah *Muslimah* , Oktober 2000, h. 14

¹³² Sila rujuk *footnote* 19 dalam bab 2

2.4 PARADIGMA MOTIVASI DAKWAH :

Sesungguhnya Islam mempunyai paradigmanya¹³³ yang tersendiri terhadap sesuatu falsafah ilmu. Oleh itu, jika merujuk kepada item motivasi bagi umat Islam maka seharusnya umat Islam mempunyai pendekatan motivasinya yang memiliki paradigma Islam sehingga boleh diungkapkan dengan nama motivasi Islam (atau motivasi dakwah) kerana ia akan merujuk kepada falsafah tertentu menurut pendekatan agama.

2.4.1 Maksud Motivasi Dakwah :

Merujuk kepada pelbagai definisi berkaitan motivasi dan dakwah seperti yang dipaparkan sebelum ini, kajian ini menyimpulkan istilah motivasi dakwah adalah cantuman daripada perkataan dan konsep-konsep yang ada di dalam motivasi dan juga dakwah (Islam). Penggabungan tersebut telah melahirkan satu istilah baru berserta dengan konsep, skop dan matlamat yang baru.

Oleh itu, maksud motivasi dakwah yang menjadi sorotan dalam kajian ini ialah suatu bentuk kemahuan atau dorongan dalaman (intrinsik) dan juga luaran (ekstrinsik) yang wujud dalam diri seseorang berpunca daripada suatu keperluan atau matlamat yang kemudian telah menggerakkannya untuk bertindak ke arah memenuhi tuntutan keperluan atau matlamat tersebut, namun seluruh proses tersebut perlu beroperasi di bawah peraturan, disiplin dan falsafah Islam di samping takdir ketentuan daripada Allah.


Proses Aliran Motivasi :

Jika merujuk kepada proses aliran motivasi konvensional, terdapat beberapa pandangan mengenainya. Hinrichs telah menyenaraikan tiga komponen utama interaksi dalam proses motivasi iaitu usaha (*effort*), prestasi yang berkesan


¹³³ Istilah paradigma atau *world view* telah dipopularkan oleh Thomas S. Kuhn dalam bukunya *The Structure of Scientific Revolution*. Paradigma didefinisikan sebagai *world view* atau *weltanschauung* yang dimiliki oleh para ilmuan dalam disiplin-disiplin tertentu. Paradigma yang dibentuk oleh seseorang ilmuan kadangkala berbeza dengan paradigma ilmuan yang lain. Sila rujuk Hashim Fauzy Yaakob (1990), " Paradigma Tauhid Sebagai Asas Paradigma Sains Sosial " dlm. *Dunia Islam* , Oktober 1990, Bil. 15, Kuala Lumpur : Penerbitan Zin, h. 52

(*effective performance*) dan kepuasan atau komitmen kepada kerja dan organisasi (*satisfaction or job and company commitment*).¹³⁴

Menurut Cooper pula elemen-elemen asas dalam proses motivasi perlu bergerak menurut urutan seperti berikut :¹³⁵



Dengan merujuk kepada dua pandangan di atas dan juga kepada perbincangan tentang kitaran motivasi¹³⁶ sebelum ini, kajian ini cuba melihat aliran motivasi dakwah dengan meringkaskannya kepada tiga komponen utama sahaja iaitu keperluan (termasuk di dalamnya motif, kepuasan dan matlamat), dorongan (termasuk di dalamnya prestasi dan komitmen) dan tindakan (termasuk di dalamnya usaha dan tingkah laku). Interaksi proses alirannya boleh dirujuk kepada rajah di bawah :



Rajah 2.1 Aliran Pembentukan Motivasi Dakwah

Sumber : Supani Husain dlm. *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

¹³⁴ Zulkifli Hamzah (1995), *Motivasi Pegawai Profesional Jabatan Kerja Raya : Satu Kajian Kes Di Ibu Pejabat JKR Malaysia* (Tesis MA Universiti Malaya), h. 5

¹³⁵ Siti Jamilah Ishak (2000), *Motivasi Kerja di Kalangan Guru-guru Jabatan Agama Islam Selangor* (Tesis MA Universiti Malaya).

¹³⁶ Sila rujuk footnote no. 25 dalam bab 1

Rajah di atas menggambarkan aliran proses pembentukan motivasi dakwah. Ia adalah kombinasi antara elemen keperluan, dorongan dan juga tindakan yang bergerak secara serentak, saling bantu membantu untuk mencapai matlamat. Proses motivasi bermula setelah adanya keperluan, dengan adanya keperluan akan melahirkan dorongan, dengan adanya dorongan akan melahirkan pula tindakan (untuk memenuhi keperluan tersebut). Operasi yang terus berjalan itu perlu mengikut landasan, peraturan, disiplin dan falsafah Islam di samping ketentuan takdir daripada Allah sama ada akan diperkenankan atau sebaliknya.

Maksud keperluan merujuk kepada apa sahaja yang menjadi idaman, cita-cita, harapan, kepuasan, kehormatan, motif, matlamat, kejayaan, kecemerlangan, pengorbanan, kebahagiaan, keredaan, kerahmatan dan seumpamanya yang tidak bercanggah dengan Islam.

Maksud dorongan yang merujuk kepada apa sahaja keinginan, reaksi, respon, kemahuan, kemampuan, penguasaan, keazaman, tekanan, prestasi, komitmen, semangat, desakan, tenaga, kuasa dan seumpamanya yang berjalan di atas landasan yang sihat.

Manakala maksud tindakan pula merujuk kepada apa juar cara, usaha, tingkah laku, strategi, alat, kaedah, metode, bentuk, *manhaj* dan sebagainya yang tidak dilarang oleh Islam, dilakukan dengan penuh minat dan ada tujuan ke arah mencapai keperluan yang telah dinyatakan di awal tadi.

Kesemua elemen yang menjalani proses kitaran tersebut tidak dapat lari daripada kawalan (suratan) takdir daripada Allah seperti kaedah fikah yang menyatakan :

إِنَّ الْأَحْكَامَ يَعْمَلُ فِيهَا بِالظَّوَاهِرِ وَاللَّهُ يَتَوَلِّ السُّرَابِ .

Sesungguhnya segala hukum itu diamalkan mengikut perhitungan secara zahirnya dan Allahlah yang menguasai segala rahsia yang tersembunyi.¹³⁷

¹³⁷ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (1989), *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah*, (terj. Mustafa 'Abdul Rahman), Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, h. 165

Landasan Teori Kepada Carta :

Asas atau landasan teori kepada carta aliran rajah 1.1 di atas merujuk kepada pendekatan Jack Keavney dan juga John Garnett ketika mereka merumuskan tentang fungsi kepimpinan, beliau telah mengumpul banyak ciri-ciri dan elemen-elemen yang perlu ada kepada pengurus (pemimpin) dan para pekerja bawahannya sama ada secara individu maupun berkumpulan. Kemudian mereka mengelaskannya kepada tiga komponen besar dalam tiga bulatan yang berasingan, bulatan pertama untuk “ menyempurnakan tugas pimpinan ”, kedua untuk “ membina kumpulan ”, dan ketiga untuk “ membentuk individu ”.¹³⁸

Dapat difahami bahawa jika tiga bulatan ini ditadbir mengikut tafsiran kelas masing-masing maka pembinaan kepimpinannya akan bercelaru, tetapi jika ia digabungjalinkan secara serentak dengan falsafah bantu membantu maka setiap komponen akan terdorong untuk sama-sama berperanan, berusaha untuk menguatkan ikatan kerjasama, bebanan kerja yang bertimbun telah menjadi ringan kerana sebahagiannya telah diambil alih oleh orang lain, tiada lagi pertindanan kerja hingga akhirnya kejayaan dapat dicapai. Demikianlah juga dengan bentuk aliran motivasi yang bergerak ke arah mencapai suatu keperluan.

Carta aliran di atas juga merujuk kepada pandangan Zaini Ujang berkaitan dengan pembentukan tabiat manusia. Menurut beliau pembentukan “ tabiat ” dari sudut pandangan Islam adalah merujuk kepada penggembungan antara elemen ilmu, kemahiran dan juga kehendak (motivasi) yang bergerak secara serentak, saling bantu membantu untuk mencapai matlamatnya, namun semua proses alirannya perlu di dalam batas-batas takdir atau kudrat daripada Allah.¹³⁹

Rumusan Bagi Pembentukan Motivasi Dakwah:

Kedua-dua landasan teori di atas jelas menggambarkan wujudnya pertindanan dan penggembungan pada item-item tertentu yang kemudian melahirkan gerakan (*movement*), penggabungan, desakan dan dorongan

¹³⁸ Jack Keavney (t.th.), *Prestasi Cemerlang*, (terj. Saliah A. Aziz), Kuala Lumpur : Synergy Books Internasional, h. 13 - 15

¹³⁹ Zaini Ujang (1993), *op. cit.* h. 20 - 22

ke arah suatu tumpuan tertentu. Dapat difahami bahawa aliran dan desakan itulah yang melahirkan motivasi, manakala proses mengaitkannya dengan kudrat Allah adalah gambaran pengiktirafan dan ketundukannya kepada semua dasar dan peraturan-Nya

2.4.2 Paradigma Islam :

Secara umumnya, paradigma yang menjadi asas dalam sistem keilmuan Islam menurut Syari'atī adalah merujuk kepada "paradigma tauhid" atau menurut T. B. Irving pula sebagai "paradigma al-Quran". Paradigma al-Quran menurut Irving mempunyai premis utamanya iaitu :¹⁴⁰

- i. Seluruh alam semesta dan makhluk yang tinggal di dalamnya tidak wujud dengan sendirinya tetapi dicipta oleh Allah. Oleh itu semua peraturan sama ada yang berbentuk fizik atau pun moral adalah berjalan mengikut ketetapan Pencipta-Nya.
- ii. Allah bukan sahaja Pencipta tetapi Pemerintah dan Pemilik kepada alam ini. Oleh itu semua ciptaan-Nya mesti patuh kepada perjalanan dan undang-undang-Nya.
- iii. Allah menciptakan manusia sebagai khalifah-Nya di bumi dengan diberi keupayaan mengatur, menilai, berfikir serta diberi kebebasan memilih sama ada yang baik atau pun yang jahat. Perlantikan manusia sebagai khalifah adalah untuk mentadbir alam ini menurut hukum yang ditetapkan oleh-Nya.
- iv. Manusia yang diberi kebebasan memilih, tidak bererti mereka ditinggalkan dalam kegelapan tetapi mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan mengenai kehendak dan juga realiti untuk mencari kebenaran.
- v. Allah tidak "memaksa" manusia mengikuti jalan yang benar tetapi Allah telah menyediakan pembalasan bagi sesiapa yang mengikuti jalan yang benar atau pun yang salah.

¹⁴⁰ Ibid , h. 52

vi. Para rasul diutus Allah dari pelbagai daerah dan kaum. Mereka membawa mesej mengesakan Tuhan, memberitahu tentang hari pembalasan dan mengajak manusia kepada jalan kebenaran. Para rasul dibekalkan wahyu untuk disampaikan kepada manusia.

vii. Nabi Muhammad s.a.w. adalah rasul terakhir untuk memimpin umat manusia ke jalan kebenaran dan melaksanakan perintah Allah di muka bumi. Al-Quran yang diwahyukan kepada baginda merupakan panduan bagi semua urusan umat manusia.

Oleh itu, dapat difahami bahawa penggunaan istilah paradigma al-Quran oleh Irving adalah kerana al-Quran merupakan asas kepada sistem yang ditujukan kepada manusia bagi menerangkan dengan jelas tentang realiti yang harus dilakukan oleh manusia.¹⁴¹

Waialupun sebagaimana istilah paradigma digunakan, namun hakikatnya ia menjurus kepada “matlamat” yang satu iaitu untuk mematuhi tuntutan Allah dan mendapat keredaan-Nya dengan merujuk kepada sumber-sumber daripada al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. .


2.4.3 Perlunya Motivasi Dakwah :

Seperti yang telah ditegaskan, paradigma bagi motivasi dakwah adalah yang merujuk kepada sumber al-Quran dan hadis Nabi s.a.w.. Ia sudah pasti mencakupi persoalan dasar, asas falsafah, prinsip, disiplin keilmuan, pendekatan metodologi dan sebagainya.

Melalui kenyataan di atas jelas difahami bahawa motivasi dakwah begitu penting dalam konteks pembinaan syahsiah muslim kerana proses membina syahsiah bererti membina fitrahnya, mentarbiah dorongan dan motivasi dalam dirinya di samping memproses semua sumber kekuatan yang dimilikinya.

¹⁴¹ *Ibid*, h. 52

Menurut Sa'd 'Abd al-Rahmān, peringkat pertumbuhan dan pengembangan sesuatu tahap motivasi perlu melalui tiga proses utama ; (i) proses kematangan (النضج), (ii) proses latihan (التمرين والتدريب) dan (iii) proses pembelajaran (التعلم).¹⁴² Jelas difahami natijah motivasi tidak datang secara tiba-tiba ke dalam diri seseorang akan tetapi dengan adanya usaha, harapan dan matlamat. Oleh itu menurut Sa'd pendekatan proses motivasi perlu diurus dengan penuh bijaksana seperti berikut :



Rajah 2.2 Pendekatan Proses Motivasi.

Sumber : Dr. Sa'd 'Abd al-Rahmān dalam bukunya : “ *al-Sulūk al-Insānī takhīl wa qiyās al-mutaghayirāt* ”, h. 78

Rajah 2.2 di atas menekankan tentang perlunya metode *hikmah* (bijaksana) dalam proses pendekatan motivasi supaya elemen yang memang sedang bermasalah tidak menjadi semakin gawat, negatif dan terus patah lantaran teknik yang tidak sesuai atau jahil dalam memahami tahap-tahap proses aliran motivasi.

Merujuk kepada proses pendekatan motivasi juga, Azizan Baharuddin berpendapat, idea membina dan membangun manusia cemerlang sepatutnya perlu menekankan kepada 5 kesihatan atau kualiti secara bersepada iaitu ; (i) kesihatan rohani, (ii) kesihatan jasmani, (iii) kesihatan emosi, (iv) kesihatan intelektual dan (v) kesihatan sosial. Menurut beliau, dalam dunia serba maju ini bukan IQ sahaja yang diperlukan untuk berjaya, orang yang mempunyai EQ (kesihatan emosi) yang tinggi lebih berjaya berbanding dengan IQ (kesihatan intelektual)

¹⁴² Sa'd 'Abd al-Rahmān, Dr. (1983), *op cit* , h. 44

yang tinggi, kerana orang yang mempunyai EQ rendah tidak mampu bergaul dengan semua lapisan masyarakat sedang apa sahaja kerja di dunia ini memerlukan jalinan interaksi dengan semua lapisan manusia.¹⁴³

Melalui *sīrah* Islam, umat Islam telah dicatat sebagai satu umat yang lahir dan dibangunkan melalui dorongan motivasi yang sangat cemerlang. Umat yang berasal dari satu bangsa yang liar, sebagai badwi, nomad, perompak, lanun, tidak berfungsi, tiada ilmu serta tiada sumbangan dalam sejarah dan tamadun manusia.¹⁴⁴ Kemudian terjadi satu proses Ilahi yang begitu mengagumkan, satu perancangan Allah sejak azali lagi, satu kelahiran yang amat tepat sekali ketika dunia sangat berhajat kepada *qīādah Rabbāniyyah* atau pimpinan daripada Allah. Akhirnya umat Islam telah diiktiraf oleh Allah sebagai umat pilihan yang ditampilkan kepada seluruh umat manusia dengan memikul beban menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar serta beriman kepada Allah¹⁴⁵.

Rumusan Perlunya Motivasi Dakwah :

Setiap manusia mempunyai potensi untuk dibangunkan. Membangunkan manusia bererti membangunkan keseluruhan potensi dalam lingkungan keupayaannya walaupun mereka telah ditetapkan ukuran qadak dan qadar-Nya. Merujuk kepada umat Islam pula, pendekatan motivasi yang seharusnya digunakan ialah pendekatan motivasi dakwah atau motivasi Islam kerana ia mempunyai paradigmanya yang tersendiri sama ada yang terbina atas nama paradigma tauhid atau pun paradigm al-Quran.

2.4.4 Strategi Dalam Dakwah :

Melaksanakan tugas dakwah bererti melaksanakan tugas para nabi dan rasul. Kesukaran dan kepayahan adalah suatu yang lumrah kerana para nabi dan rasul sendiri berhadapan dengan perkara yang lebih sukar dan dahsyat.

¹⁴³ Azizan Baharuddin, Dr. (2000), *op. cit.*, h. 14 - 16

¹⁴⁴ 'Abd al-Rahmān Bin Khaldūn (t. th.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn* , (t.t.) : Dār al-Fikr, h. 120 - 122

¹⁴⁵ Sila rujuk firman Allah surah Āli 'Imrān (3), ayat 110

Oleh kerana menunaikan tugas dakwah merupakan satu kewajipan, maka setiap pendakwah perlu memahami strategi tertentu mengenainya. Strategi dakwah melibatkan *uslūb* (metode) atau *manhaj* (tatacara) yang perlu diselenggarakan dengan sebaik mungkin untuk memastikan nilai keberkesanannya.

Metode yang penting dalam strategi dakwah ialah dapat memberikan kepuasaan (الْقِنَاع) kepada *al-mad'ū*. Maksud kepuasan ialah merujuk kepada kesan yang lebih mendalam kepada *al-mad'ū*, bermula daripada kesediaan menerima idea-idea yang diajukan kemudian mengaplikasi dalam tindakan bahkan membangkitkan motivasi untuk sampai kepada matlamatnya.¹⁴⁶ Beberapa *uslūb* yang dikenal pasti mampu mendatangkan kepuasan antaranya :

i. Pendekatan gaya bahasa (اسلوب التعبير) :

Ia merupakan *uslūb* paling utama yang perlu dititikberatkan oleh pendakwah, urusetia dan juga golongan sasaran kerana ia melibatkan impak yang bukan sedikit kepada dorongan, minat, kefahaman dan keberkesanannya sesuatu program dakwah.

Maksud *al-ta'bīr* ialah ungkapan kata-kata dalam sesuatu penyampaian dakwah sama ada yang berbentuk ucapan, pertuturan atau pun yang melibatkan seni dalam penggunaan bahasa. Asas utama *uslūb* ini ialah pendakwah perlu menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar bagi suatu audiens yang melibatkan kepelbagaiannya. Jika ia tidak mampu diizinkan menggunakan apa sahaja bahasa yang termampu olehnya tetapi sebaiknya biarlah yang mewakili sebahagian besar kalangan *al-mad'ū*.¹⁴⁷

Termasuk dalam *uslūb* ini ialah pendekatan (قُرْلَا سَدِيدا)¹⁴⁸ iaitu berbicara dengan menggunakan bahasa yang menepati tujuan, tiada keserabutan, penuh

¹⁴⁶ Hisyām Yūsuf Muhammād Bannān (1992), *Al-Manhaj al-Da'wiyy fi Usul al-Muħādarah al-Da'wiyyah*, Al-Madinah al-Munawwarah : Dār al-Mujtama', h. 244

¹⁴⁷ *Ibid* , h. 246

¹⁴⁸ Sila rujuk firman Allah surah al-Ahzāb (33), ayat 70

kejujuran dan kebenaran kerana di situ lah letaknya elemen keterbukaan dan kepuasan yang melibatkan hati *al-mad'ū*.¹⁴⁹

Dapat difahami pendekatan *uslūb al-ta'bīr* ini adalah ke arah keberkesanan sesuatu program dakwah melalui kemahiran dalam seni penyampaian, cara pengolahan yang berkesan serta pengendalian bahasa yang penuh hikmat untuk memberi kepuasan hati kepada para audiens.

ii. *Al-targhib* (الترغيب) dan *al-tarhīb* (الترهيب) :

Kedua-dua *uslūb* ini banyak digunakan dalam pentarbiahan Islam. Ia menjadi antara pendekatan motivasi yang digunakan oleh al-Quran untuk menyampaikan mesej pengajarannya¹⁵⁰ dan telah digunakan oleh Nabi s.a.w. untuk menyampaikan mesej risalahnya¹⁵¹.

Maksud *al-targhib* ialah segala apa yang dapat menarik manusia supaya menerima dakwah dan kebenaran dan kemudian mereka tetap dalam kebenaran tersebut. Contoh *uslūb* ini ialah gesaan agar hidup di bawah keredaan Allah, mengharapkan rahmat dan nikmat daripada-Nya dan sebagainya.¹⁵²

Maksud *al-tarhīb* pula ialah segala apa yang dapat memberikan rasa takut jika tidak menerima kebenaran atau tidak tetap di dalam kebenaran selepas menerimanya. Contoh *uslūb* ini ialah memberikan peringatan atau ancaman terhadap kemurkaan dan azab Allah sama ada ketika di dunia, alam kubur dan seterusnya di akhirat .¹⁵³

iii. Pembuktian dan pemantapan idea :

(الدليل والاثبات الفكري)

¹⁴⁹ M. Natsir (1980), *op. cit.*, h. 186

¹⁵⁰ Sila rujuk buku yang membincarkan tajuk ini : Muhamad 'Uthmān Najātī, Dr. (1989), *op. cit.*, h. 169. Rujuk juga *footnote* no. 7, 8, 9, 10 dan 11 dlm bab 1

¹⁵¹ Sila rujuk buku yang membincarkan tajuk ini : Muhamad 'Uthmān Najātī, Dr. (1989), *loc. cit.*, h. 169. Rujuk juga *footnote* no. 5 dlm bab 1

¹⁵² Hisyām Yūsuf Muhamad Bannān (1992), *op. cit.*, h. 249

¹⁵³ *Ibid* , h. 249

Uslūb ini dibina berdasarkan kepada pembuktian dan hujah iaitu melalui pendekatan diskusi secara yang terbaik atau pendekatan memantapkan idea ketika mengajar dengan dalil dan hujah yang kukuh.

Uslūb ini dilaksanakan melalui kaedah yang pelbagai bagi menyempurnakan kepuasan fikiran.¹⁵⁴ Dengan kemantapan idea tersebut ia boleh membina dorongan yang positif dan dalam masa yang sama menghindari dorongan yang keji.

Menurut al-Maidānī maksud kemantapan atau kepuasan fikiran ialah apabila ia dapat mengenali nilai keutamaan akhlak dengan sebaik-baiknya, merasai kesempurnaan dan keindahannya serta meyakini manfaat dan kebaikannya sama ada yang bersangkut paut dengan kebendaan, kerohanian, dunia dan akhirat. Semua keindahan tersebut akhirnya telah menggamit jiwa seseorang hingga merangsang jiwanya untuk merealisasikan dalam watak peribadinya.¹⁵⁵

iv. Tarbiah secara beransur-ansur :

(التدرج التربوي)

Pendekatan tarbiah melalui kaedah beransur-ansur bermula daripada satu topik kepada satu topik yang lain dan daripada satu sesi kepada sesi yang lain boleh mendorong *al-mad'ū* beramal dan menghayati ajaran Islam satu persatu, namun ia juga memerlukan waktu dan kesabaran. Oleh itu, mereka perlu disediakan peluang berfikir untuk menyelesaikan masalah dan untuk mengaplikasikan transisi perubahan daripada amalan berbentuk jahiliah kepada yang dituntut oleh Islam.¹⁵⁶

Tarbiah secara beransur-ansur terbukti mampu memantapkan suatu pegangan serta mendorong rasa penghayatan. Sayidina Jundab bin 'Abdullah pernah berkata maksudnya :

¹⁵⁴ *Ibid*, h. 250

¹⁵⁵ 'Abd al-Rahmān al-Maidānī (1987), *Ibid*, h. 204

¹⁵⁶ *Ibid*, h. 250

*Kami bersama Nabi s.a.w. dan umur kami ketika itu hampir baligh. Baginda s.a.w. mengajarkan kepada kami perkara yang berkaitan dengan keimanan sebelum mengajar al-Quran, selepas itu barulah kami belajar al-Quran dan iman kami bertambah dengannya.*¹⁵⁷

Maksud hadis di atas memaparkan cara beransur-ansur Nabi s.a.w. dalam pengajarannya sesuai dengan kemampuan penerimanya, mengajar satu persatu supaya mudah difahami dan diingati. Baginda s.a.w. telah menggunakan kaedah “keutamaan” iaitu mendahului yang lebih penting daripada yang penting.

v. Memperjelas dan memberikan kefahaman :

(التوضیح والافہم)

Ucapan pendakwah mestilah terang dan jelas agar dapat difahami oleh *al-mad'ū* dengan sebaik mungkin. Sesuatu fakta yang disampaikan sebaiknya tidak boleh dianjak kepada isu lain sehingga hal audiens benar-benar menguasai apa yang sedang diperbincangkan. Oleh itu pendakwah sepatutnya memiliki kepakaran dan penguasaan di dalam *ustub* ini.¹⁵⁸

Usaha memberikan kefahaman yang jelas kepada *al-mad'ū* dapat menyuntik dorongan kesungguhan di samping memantapkan lagi keyakinan, Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud :

Sesungguhnya apabila Nabi s.a.w. berbicara baginda akan mengulanginya sebanyak tiga kali agar ia dapat difahami.

Riwayat al-Bukhārī¹⁵⁹

Saranan Nabi s.a.w. di atas menekankan metode pengulangan adalah asas untuk menguatkan sesuatu ilmu atau maklumat kepada audiens. Dapat difahami kaedah ulangkaji bacaan al-Quran atau ulangkaji pelajaran adalah juga termasuk dalam kategori pembinaan ilmu dan kefahaman seperti di atas.

¹⁵⁷ ‘Abd Fattah Abū Ghuddah, Al-Syeikh (2001), *Al-Rasāl al-Mu'allim wa Asalibihī fi al-Ta'allim* (terj. Shuhadak Mahmud), Negeri Sembilan : M Khari Enterprise, Tajuk : Mengajar Secara Beransur-ansur, h. 107

¹⁵⁸ Hisyām Yūsuf Muhammad Bannān (1992), *op. cit.*, h. 251

¹⁵⁹ Ahmad bin Ali bin Hajar (t.th.), *op. cit.*, juz.1, Bab : Man A'aada al-Hadith thalathan li Yufham 'ainh, hadis n. 95, h. 188. Rujuk juga 'Abd Fattah Abū Ghuddah, As Syeikh (2001), *op. cit.*, Tajuk : Mengulang Bicara kata Sebanyak Tiga Kali Sebagai Penegasan, h. 220

vi. Meraikan situasi golongan sasaran :

(مراعاة حال المدعىون)

Maksud meraikan ialah pendakwah cuba menyelami semua isu dan permasalahan *al-mad'ū* sama ada yang melibatkan jiwa, minda atau fizikalnya, demikian juga yang berkaitan dengan diri, keluarga, masyarakat dan adat istiadatnya. Pendakwah sepatutnya tidak cuba mewujudkan keserabutan kepada *al-mad'ū* sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati mereka. Metode dalam memberi nasihat pula sepatutnya menggunakan pendekatan yang rasional, intelektual dan penuh bijaksana.¹⁶⁰

Menurut Imam al-Ghazālī di antara tugas guru ialah mengajar murid berdasarkan kemampuan akal mereka supaya dapat memahami ilmu yang diajarkan, tidak boleh diajar sesuatu yang di luar batas kemampuannya sehingga boleh menyebabkan mereka lari dengan membawa bersama keceluaran yang tidak berkesudahan itu.¹⁶¹

Jelasnya, pendakwah perlu bijak meraikan keperluan *al-mad'ū* dengan metode yang mudah diterima, senang diingati, sesuai dengan tahap mindanya, tidak membawa dalil atau contoh yang asing, ganjil dan berserabut kerana matlamat akhir pengajaran ialah supaya mereka dapat merasai dorongan cintakan ilmu serta merasai kepuasan daripadanya.

vii. Merendah diri serta berlemah lembut :

(التواضع ولين الجانب)

Pendakwah perlu merendahkan status dirinya terhadap *al-mad'ū* supaya mereka mudah menerima apa yang sedang dibicarakan. Penerimaan tidak akan berkesan tanpa sikap berhati-hati, berbudi bahasa dan berlemah lembut di dalam penyampaian. Pendakwah juga perlu menggunakan *uslūb* senyuman untuk menceriakan keadaan. Pendakwah tidak sepatutnya memfokuskan perbicaraannya kepada dirinya sendiri kerana pendekatan dakwah Nabi s.a.w. sentiasa ditujukan

¹⁶⁰ Hisyām Yūsuf Muhammād Bannān (1992), *op. cit.*, h. 259

¹⁶¹ Badawī Tabānah, Dr. (1957), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn li al-Imām al-Ghazālī*, juz.1, Kaherah : Dār Iḥyā al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 57

kepada tauhid serta mempercayai risalah yang dibawa dan bukan disasarkan kepada dirinya.¹⁶²

Dakwah Nabi s.a.w. dalam pengajarannya begitu bijak melihat suasana audiens seperti sabdanya yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a. bermaksud :

*Sesungguhnya perananku terhadap anda semua adalah umpama seorang ayah kepada anaknya (dalam mengajar), apabila anda ingin menunaikan hajat maka janganlah anda menghadap kiblat dan janganlah pula membela kangginya. Seterusnya baginda menyuruh menggunakan tiga batu (untuk intinjak) dan mlarang daripada beristinjak dengan menggunakan najis binatang dan tulang serta mlarang istinjak dengan menggunakan tangan kanan.*¹⁶³

Penegasan Nabi s.a.w. di atas menggambarkan sifat fatanah baginda dalam pengajarannya dengan membina permulaan yang lembut mengenai perkara yang agak memalukan. Ia juga menggambarkan sifat kasih sayang supaya mereka berpegang kepada disiplin dalam setiap tindakan dan urusan termasuk perkara yang berkaitan dengan cara bersuci.¹⁶⁴

Melalui gambaran di atas dapat difahami pendekatan *uslūb* merendah diri serta berlemah lembut mampu menyuntik rasa kepuasan dan semangat kebersamaan antara pendakwah dan juga *al-mad'ū*.

viii. Berkaitan kaedah penyampaian : (وسائل الإيضاح)

Penggunaan pelbagai instrumen canggih dalam penyampaian dakwah akan memberikan impak yang baik dalam membina kefahaman, membentuk ketahanan mental, memberikan kepuasan hati dan membina cara berfikir yang sihat. Penggunaannya boleh diaplifikasi dalam bentuk kebendaan mahu pun kerohanian. Namun instrumen paling utama ialah diri pendakwah itu sendiri sebagai alat dakwah (*lisān al-hāl*) untuk memastikan hasil dan keberkesanan dakwah.¹⁶⁵

¹⁶² Hisyām Yüsuf Muhammād Bannān (1992), *op. cit.*, h. 261

¹⁶³ 'Abd Fattah Abū Ghuddah; As Syeikh (2001), *op. cit.*, Tajuk : Mukadimah Yang Lembut Dalam Perkara Yang Menimbulkan Perasaan Malu, h. 265 – 266

¹⁶⁴ *Ibid.*, h. 265 - 266

¹⁶⁵ *Ibid.*, h. 263

Dakwah Nabi s.a.w. telah menggunakan pelbagai strategi untuk membina motivasi dan menentukan nilai kepuasan dalam penyampaian iaitu dengan menjadikan dirinya sebagai contoh teladan, menjadikan pengajarannya sentiasa hidup segar melalui teknik perbandingan, perumpamaan, kiasan, isyarat, dialog, soal jawab, melukis, melakar dan seumpamanya.¹⁶⁶

Rumusan Perbincangan Strategi Dalam Dakwah:

Sesungguhnya dakwah perlu disampaikan dengan *uslūb* yang mudah dan betul tanpa sebarang keserabutan, *uslūb* yang mampu menyuntik semangat, membangkitkan rasa keinginan untuk mendengar dan mengambil manfaat daripadanya, berbicara dengan bahasa yang tidak menyakiti, yang mampu dirasai nilai rahmat dan kasih sayangnya.¹⁶⁷

Pendekatan strategi di atas dilihat boleh membina semula inspirasi dan motivasi untuk menjana kepuasan hati dan keberkesanannya. Kajian ini percaya dengan mengekalkan semua ciri-ciri asas (akidah, tauhid atau kerohanian) dalam merangka strategi dakwah dan tarbiah akan terus menjamin kesempurnaan dalam pembinaan manusia.

2.4.5 Asas Falsafah Dalam Motivasi Dakwah :

Erti falsafah ialah pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain.¹⁶⁸ Maksud falsafah di sini ialah pegangan dan pandangan individu atau masyarakat mengenai ketuhanan, manusia, kebahagiaan dan persoalan-persoalan kehidupan lainnya.¹⁶⁹

Melalui penulisan beberapa tokoh motivasi serta para ilmuwan Islam, terdapat beberapa dasar atau pun asas falsafah dalam motivasi dakwah iaitu :

¹⁶⁶ Buku karangan ‘Abd Fattah Abū Ghuddah, As Syeikh (2001), *op. cit.*, banyak membawa contoh-contoh pendekatan di atas dalam pengajaran Nabi s.a.w.

¹⁶⁷ Muhammad ‘Abd al-Qādir Abū Pārs, Dr. (1996), *Usus fi al-Da’wah wa Wasd’il Nasyrih* , Jordan : Dār al-Furqān, h. 132 :

¹⁶⁸ *Kamus Dewan* (2000), h. 348

¹⁶⁹ Syed Omar Syed Agil (1997), *Pengurusan Badan Korporat Dan Nilai Islam*, Kuala Lumpur : Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 4

i. Iman dan istiqamah sebagai dasar motivasi :

Maksud iman ialah tasdig yang tegas, mantap, jitu dan tepat yang terletak di dalam hati seseorang yang beriman. Melalui iman inilah di dasarkan segala amal (antaranya termasuk dorongan motivasi) atau dilaksanakan syariat dan hukum hakam yang diperintahkan. Maksud istiqamah pula ialah suatu penerusan yang tetap dan tidak berubah dalam melaksanakan amal-amal tersebut.¹⁷⁰

Sirah pernah mencatatkan seorang sahabat telah meminta Nabi s.a.w. agar dapat menggambarkan keseluruhan rupa bentuk Islam melalui satu perkataan sahaja sehingga beliau faham dan tidak perlu lagi bertanya kepada orang lain selepas itu, Baginda s.a.w. menyatakan :

فُلِّمْ أَمْنَتْ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقْمَمْ.

Katakanlah “Aku beriman kepada Allah, kemudian hendaklah terus beristiqamah”.¹⁷¹

Hadir di atas menggesa umatnya supaya sentiasa memperbaharui keimanan kepada Allah untuk mendapatkan tenaga amal yang antaranya termasuk dorongan motivasi yang tidak putus-putus. Memperbaharui keimanan bererti sentiasa mengingati Allah dalam hati dan seluruh tindak tanduk kehidupannya. Hati manusia merupakan raja bagi segala anggotanya, apabila hati itu berada di dalam keadaan patuh dan betul maka seluruh anggotanya juga akan menjadi patuh dan betul.¹⁷²


Dalam konteks untuk menilai perbezaan motivasi antara seseorang yang beriman dengan yang tidak beriman dalam tindak tanduk kehidupannya dapat diperhatikan daripada carta Yusof Ismail yang telah melakarkan satu model motivasi Islam seperti di bawah ;¹⁷³

¹⁷⁰ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (1989), *op. cit.*, h. 254 - 255

¹⁷¹ *Ibid*, Tajuk : Hadis 21, h. 253

¹⁷² *Ibid*, h. 255 - 256

¹⁷³ Yusof Ismail (1996), *Mengurus Secara Islam*, (cet. 2), Kuala Lumpur : A. S. Noordeen, h. 161



Rajah 2.3 Model Motivasi Islam.

Sumber : Yusof Ismail dalam bukunya *Mengurus Secara Islam*.

Rajah di atas menggambarkan perbezaan di antara mereka yang mengambil iman (lalu istiqamah dengannya) sebagai pendorong atau *motivator* dalam memenuhi keperluan hidupnya bakal mendapat natijah keredaan Allah, manakala yang tidak beriman atau syirik pula mereka hidup tanpa petunjuk dan natijahnya sentiasa di dalam kemurkaan Allah.

ii. Niat sebagai pendorong amal :

Niat diistilahkan sebagai tergerak hati ke arah suatu pekerjaan untuk mencari keredaan Allah di samping menyatakan rasa tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan-Nya. Ia juga dinamakan ikhlas yang menjadi “ jiwa “ kepada sesuatu amal. Dapat difahami bahawa niat adalah untuk membezakan di antara sesuatu amal yang termasuk dalam kategori ibadat dengan amal yang termasuk dalam kategori adat.¹⁷⁴

¹⁷⁴ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (1989), *op. cit*, h. 58 - 59

Menurut pendapat *jumhūr* (kebanyakannya) ulama, niat adalah wajib untuk sesuatu amal. Bagi kategori amal yang diperintahkan supaya ditunaikan pula hendaklah amal tersebut diniyatkan kerana Allah.¹⁷⁵ Nabi s.a.w. bersabda :

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَّاتِ .
Sesungguhnya setiap amalan disertai dengan niat.
Riwayat al-Bukhārī.¹⁷⁶

Hadir di atas menjelaskan setiap amalan memang telah tersirat di dalamnya niat atau motif tertentu. Ia merupakan satu petanda bahawa niat sebenarnya merupakan punca utama yang mampu mendorong melahirkan suatu amalan atau tingkah laku sama ada untuk sesuatu amal yang baik atau sebaliknya.

iii. Takwa sebagai pengawal motivasi :

Menurut perspektif Islam, proses untuk memotivasi manusia adalah dengan manusia itu sendiri diberi kebebasan memilih mana-mana kelakuan yang diingini, namun al-Quran telah menggariskan panduan tentang tiga tahap dalam hierarki kejiwaan manusia yang perlu diperhati oleh setiap orang :¹⁷⁷

- a. Kejiwaan yang menyeru kepada nafsu kejahatan (امارة), pendekatannya ke arah menyempurnakan keperluan fisiologi.
- b. Kejiwaan yang sentiasa menerima cabaran (لومة), pendekatannya ke arah pertimbangan di antara keperluan rohaniah dengan keperluan fisiologi (daripada asal kejadian tanah). Kemenangan daripada pertembungan ini selalu berpihak kepada rohaniah.
- c. Kejiwaan yang penuh tenang dan reda (مطمئنة) adalah tahap kejiwaan yang paling tinggi dalam hierarki keperluan manusia. Pada tahap ini keperluan rohaniah lebih dominan.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 68

¹⁷⁶ Ahmad ibn Alī ibn Hajar (t.th.), *Ibid.*, juz.1, Kitab : Bad'u al-Wahyu, hadis no. 1, h. 9

¹⁷⁷ Naim Nūsair (1985), "Human Nature and Motivation In Islam" dlm. *The Islamic Quarterly*, vol. xxix, no. 3, 3rd quarter, h. 156

Setiap tahap di atas mempunyai keperluannya yang tersendiri yang perlu disempurnakan oleh setiap individu melalui iltizam serta hubungannya kepada Allah. Kesan iltizam tersebut akan dapat mendekati martabat takwa yang akhirnya mampu mengawal selia semua dorongan dalaman termasuk semua tingkah lakunya.

Teori hierarki Naim Nūsair di atas berbeza dengan pendekatan teori hierarki Maslow (1908 -1970) yang mengandaikan kehendak manusia berperingkat-peringkat, berubah daripada satu tahap ke satu tahap, daripada yang paling rendah kepada yang lebih tinggi setelah tahap sebelumnya dipenuhi. Jelasnya, penolakan teori Maslow ini kerana ia tidak boleh dianggap sebagai benar-benar menggambarkan tingkah laku manusia.¹⁷⁸

iv. Modus operandi menggunakan pendekatan meruntuh (التهدم) dan membina semula (البناء) :

Motivasi dakwah tidak dapat lari daripada kaitannya dengan roh tarbiah, ini kerana di antara tugas besar semua para nabi dan rasul ialah dalam skop mentarbiahkan ummah. Antara contoh bentuk pentarbiahan tersebut seperti dalam perkara yang berkaitan dengan ketuhanan¹⁷⁹, pengabdian¹⁸⁰, akhlak¹⁸¹, menjauhi elemen *fasād* (kerosakan)¹⁸² dan sebagainya.

Sekiranya pendekatan tarbiah dilihat dari sudut praktikalnya, ia tidak dapat lari daripada melakukan proses untuk meruntuh dan membina semula, meruntuh semua amalan buruk dan membina semula dengan tingkah laku yang mulia¹⁸³ atau dengan erti kata lain meruntuh cara hidup jahiliah dengan segala seginya dan membina semula dengan kehidupan Islam dengan segala kehendaknya.¹⁸⁴

¹⁷⁸ *Ibid*, h. 155

¹⁷⁹ Sila rujuk firman Allah surah al-Nahl (16), ayat 36.

¹⁸⁰ Sila rujuk firman Allah surah al-Dhāriyāt (51), ayat 56.

¹⁸¹ Sila rujuk firman Allah surah al-Rūm (30), ayat 47.

¹⁸² Sila rujuk firman Allah surah al-Rūm (30), ayat 41.

¹⁸³ Hisyān Yusof Muhammad Bannan (1992), *op. cit* , h. 251

¹⁸⁴ Fathi Yakān (1982), *Musykilat al-Da'wah wa al-Da'yiyah*, (terj. oleh Angkatan Belia Islam Malaysia), Malaysia : Polygraphic Press Sdn. Bhd., h. 18

Modus operandi dalam motivasi dakwah akan tetap membawa mesej meruntuh dan membina semula dalam skop pendekatannya. Tanpanya sesuatu nilai dalam motivasi itu tiada jaminan untuk mampu bertapak di atas tapak yang mulia sesuai dengan namanya sebagai motivasi dakwah.

v. Mencapai matlamat kehidupan yang baik (الْحَيَاةُ الْطَّيِّبَةُ) dan juga kecemerlangan (الْفَلَاحُ) :

Menurut Ziauddin apabila kita berbicara tentang dorongan bagi memenuhi keperluan asasi manusia kita sering mengaitkannya dengan pelbagai slogan seperti tentang makanan, pakaian, tempat tinggal serta kaitannya dengan situasi politik setempat, namun sebenarnya manusia perlu memenuhi semua keperluannya yang terdiri daripada keperluan rohaniah (*spiritual needs*) dan juga keperluan kebendaan (*material needs*) yang kedua-duanya bersifat saling lengkap melengkapi.¹⁸⁵

Berusaha untuk memenuhi kedua-dua keperluan tersebut akan di ganjarkan oleh Allah dengan kehidupan yang baik (الْحَيَاةُ الْطَّيِّبَةُ). Ganjaran tersebut diberikan dengan syarat usaha pencariannya dibina atas dasar akidah (iaitu dengan beriman, zuhud, *qanā'ah* atau reda dengan yang dimiliki, menunaikan infak dan sebagainya), di samping dalam masa yang sama ia menghindari sifat-sifat yang mazmumah (seperti membazir, tamak, kedekut dan sebagainya)¹⁸⁶.

Allah berfirman :

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَلَنُحْيِيهَا حَيَاةً طَيِّبَةً

*Siapa yang mengerjakan amal soleh sama ada lelaki atau pun perempuan dalam keadaan beriman maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik.*¹⁸⁷

¹⁸⁵ Ziauddin Ahmed (1986), "Islam and Fulfilment of Basic Needs" dlm. *Islamic Order*, vol. 8, no. 4, 4th quarter, h. 53

¹⁸⁶ *Ibid*, h. 54 - 55

¹⁸⁷ Surah al-Nahl (16), ayat 97.

Ayat di atas menggalakkan setiap lelaki dan perempuan beramal dengan amalan yang solen iaitu amal yang bertepatan dengan al-Quran dan sunnah. Mereka dituntut agar menunaikan semua yang difardukan dengan berbekalkan iman yang teguh di hati. Ganjaran yang akan diterimanya ialah sebuah kehidupan yang baik di sisi Allah.

Ibn ‘Abbās dan Ibn Kathīr menghuraikan bahawa maksud kehidupan yang baik ialah mendapat rezeki yang halal, mengecapi rasa kebahagiaan, dapat melakukan amalan dengan penuh taat dan ceria serta merasai *qanā’ah* di dalam jiwa.¹⁸⁸

Oleh itu dapat difahami bahawa hakikat kebahagiaan dan kecemerlangan di sisi Tuhan ialah apabila manusia dapat menikmatinya di dalam batas-batas ketaatan kepada Allah dan rasul-Nya. Tanpa iman di hati ia sudah tentu bukan bererti nikmat tetapi bala daripada Allah.

Rumusan Bagi Asas Falsafah Motivasi Dakwah:

Melalui perbincangan di atas, jelas membuktikan dasar atau asas falsafah bagi motivasi dakwah adalah mengiktiraf wujudnya Pencipta sebagai punca kepada semua pencapaian di dunia dan di akhirat. Mengiktiraf Pencipta bererti melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan yang dilarang.

Dalam melaksanakan semua tuntutan kehidupan pula manusia telah sedia dibekalkan oleh Allah dengan kesempurnaan akal dan hati. Melalui kekuatan akal dan hati diharapkan mampu berfungsi memikul tugas besar untuk memproses semua keperluan pembangunannya.

¹⁸⁸ Wahbah al-Zuhailī, Prof. Dr. (1991), *op. cit.*, juz.14, h. 228

2.5 ELEMEN MOTIVASI DAKWAH :

2.5.1 MOTIVASI INTRINSIK.

Motivasi intrinsik merujuk kepada semua dorongan berbentuk rohaniah atau abstrak, namun semua dorongan ini hanya akan wujud setelah wujudnya iman dalam diri seseorang.

2.5.1.(a) Elemen keyakinan dan kemantapan (الثبات)¹⁸⁹:

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen seperti keyakinan, kepercayaan (iman), tawakal¹⁹⁰, takwa, rasa optimis dan seumpamanya.

Berkaitan elemen ini, Nabi s.a.w. dalam sebuah hadisnya yang berasal daripada Jbn 'Abbās r.a. memaparkan kisah ahli sihir Firaun :

أَصْبَحُوا سَحْرَةً وَأَضْجَنُوا مُؤْمِنِينَ وَأَمْشَوْا شُهَدَاءَ

Pada pagi hari mereka menjadi tukang-tukang sihir, siang harinya berubah menjadi orang-orang beriman dan petang harinya pula menjadi para pahlawan syahid.¹⁹¹

Hadir di atas membuktikan elemen keyakinan boleh menjadi *force* yang mampu merubah paradigma hidup seseorang iaitu daripada golongan yang sesat menjadi pahlawan syahid lantaran dorongan iman dan tawakalnya kepada Allah dan tidak lagi kepada manusia (Firaun).

Elemen kevakinan juga perlu dalam doa, Nabi s.a.w. bersabda :

ادعُوا الله وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ رواه الترمذى

Berdoalah kamu kepada Allah sedang kamu meyakini ia akan diperkenankan oleh-Nya. Riwayat al-Tirmizī¹⁹²

¹⁸⁹ Elemen ini lebih memperlihatkan tentang “buah atau natijah daripada iman”.

190 Antara contoh tawakal : Keyakinan masyarakat Islam terhadap doa daripada firman Allah ayat 2 hingga ayat 3 surah al-Talaq sebagai ayat "1000 Dinar" untuk tujuan murah rezeki.

¹⁹¹ Muhammad 'Abdullah al-Khatib (1991), *op. cit.*, Tajuk : Buah Iman, h. xxvii

¹⁹² Muhammad Abdurrahman al-Khatib (1991), *op. cit.*, Rajah 5, Bab 10, hadis no. 2460, Bab: Al-Tarhib Min An Yadi'uu al-Insan wa Huwa Ghafil, h. 489.

Hadis di atas menjelaskan peranan keyakinan dan kehadiran hati dalam sesuatu doa. Keyakinan sedemikian akan mendorong kerja-kerja susulan seterusnya dan tidak hanya menunggu dengan berpeluk tubuh.

Al-Quran telah membuat perumpamaan tentang elemen *al-thabāt* pada *kalimah tayyibah* (kalimah syahadat, iman, Islam atau *al-haq*) iaitu umpama sepoohon pokok yang baik, akarnya begitu teguh (sampai ke dasar bumi). cabangnya pula menjulang tinggi ke langit dan pokok itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan izin Tuhan.¹⁹³ Dapat difahami, elemen *al-thabāt* adalah suatu yang berakar umbi di dalam hati dan bukan hanya sekadar minat atau ucapan dan juga teori, HM Tuah Iskandar mengulas :

*Seorang yang mempunyai kepercayaan terhadap sesuatu perkara sudah cukup untuk menyamai kehebatan 99 orang yang hanya mempunyai minat.*¹⁹⁴

Sebagai rumusannya, dalam semua elemen keyakinan dan *al-thabāt* ini telah tersirat unsur-unsur dorongan ke arah motivasi yang sihat. Ini kerana semua elemen tersebut dibina atas dasar iman dan pengabdian kepada Allah.

2.5.1.(b) Elemen iltizam dan penghayatan :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen seperti bertekad, berazam, berharap (الرجاء)¹⁹⁵, bersemangat, tekun, cermat, teliti, cekap dan berketerampilan (اتقان), ihsan¹⁹⁶, berkualiti, istiqamah¹⁹⁷, komitmen, iltizam, tidak putus asa¹⁹⁸, berterusan dan seumpamanya.

¹⁹³ Sila rujuk firman Allah surah Ibrahim (14), ayat 24

¹⁹⁴ HM Tuah Iskandar, Dr. (2002), *Membina Imagination Cemerlang*, Selangor : Karya Bestari Sdn. Bhd. h.14

¹⁹⁵ Maksud (الرجاء) ialah pergantungan hati terhadap apa yang ingin dicapai tetapi dengan ada jastifikasiannya, sila rujuk Abī Ja'far 'Umar al-Qazwīnī (1934), *Mukhtasar Sya'b al-Imān lil Imām al-Baihaqī*, al-Azhar, Kaherah, h. 23

¹⁹⁶ Ihsan di sini merujuk kepada metodologi atau penampilan elemen kebaikan dan kecermerlangan (اتقان), sila rujuk Ahmad bin 'Abd al-'Aziz, Dr. (1999), *Akhlaq al-Nabi s.a.w. fi al-Qur'an wa al-Sunnah*, (cet.2), juz. 2, Beirut : Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 839

¹⁹⁷ Istiqamah ialah suatu tingkatan nilai yang tinggi yang menunjukkan sempurnanya iman seseorang serta tingginya hemah peribadinya, sila rujuk Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *Nuzhah al-Muttaqīn Syarah Riyāḍ al-Salīḥīn*, (cet. 21), Beirut : Muassasah al-Risālah, juz.1, h. 97

¹⁹⁸ Sila rujuk firman Allah surah Yūsuf (12), ayat 87 .

Berkaitan elemen ini Nabi s.a.w. bersabda :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مِنْ أَحَدِكُمْ إِذَا عَمِلَ عَمَلاً أَنْ يَتَقْتَلَهُ

Sesungguhnya Allah mengasihi seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu maka ia akan melakukannya dengan penuh cekap dan berketerampilan.¹⁹⁹

Hadis di atas memfokuskan kepada elemen *itqān* yang dikasihi Allah. Konsep *itqān* merujuk kepada dorongan agar menghayati semua bentuk kepakaran, kesediaan dan keterampilan untuk membina gerak kerja Islam dan pembangunan umat Islam.

Dalam membina iltizam pula, Nabi s.a.w. bersabda :

أَكْفَرُوا مِنَ الْعَمَلِ مَا تُطِيقُونَ . فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمْلُكُ حَتَّىٰ تَمْلَوْا

Tunaikanlah tanggungjawab amal sekadar yang termampu kerana sesungguhnya Allah tidak pernah merasa jemu sehingga kamu sendiri merasainya.

Riwayat Abū Dāwūd.²⁰⁰

Hadis di atas mengingatkan perkara yang sepatutnya dilakukan dalam membina iltizam dan penghayatan iaitu dengan cuba menilai dan memahami tahap kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab kerana antara kelemahan manusia ialah cepat merasa jemu dalam sesuatu perjuangan.

Berkaitan elemen kualiti pula, Nabi s.a.w. lebih menekankan kepada prinsip perlunya yang berkualiti dalam sesuatu amalan sekalipun dalam kuantiti yang sedikit.²⁰¹ Manakala yang berkaitan dengan tekad dan keazaman pula, al-Khatīb menyarankan agar ia seharusnya tumbuh dan bermula daripada hati, tidak menyalahi akidah dan keislaman, bersih daripada unsur perkauman dan keegoan dan sentiasa memerlukan ketabahan dan kesabaran.²⁰²

¹⁹⁹ Muhammad Lutfī al-Sabbāgh, Dr. (1992), *op. cit.*, h. 58.

²⁰⁰ Zaki al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (1996), *op. cit.*, juz. 4, hadis no. 4642, Bab: Al-Targhib Fi al-Mudawannah ‘ala al-‘amal wain qalla, h. 30

²⁰¹ Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dalam *ibid*, juz. 4, hadis no. 4642, h. 30. Kupasan lanjut boleh dirujuk dalam Yūsuf al-Qaradhāwī, Dr. (2001), *FT Fiqh al-Awlāiyāt* (terj. Baharuddin Fannani), Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 53 – 76

²⁰² Muhammad ‘Abdullāh al-Khatīb (1991), *op. cit.*, h. 34

2.5.1.(c) Elemen desakan dalaman²⁰³ :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen seperti dorongan dan rangsangan melalui niat, gerak hati, reaksi mata hati²⁰⁴, naluri fitrah diri, reaksi positif alam fikiran, minda serta kefahamannya dan sebagainya.

Prinsip niat begitu diambil kira oleh Islam. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Siapa yang tergerak hati untuk melakukan kebaikan sedang ia belum lagi menunaikannya maka ia telah dicatat dengan satu kebaikan, sebaliknya siapa yang tergerak hati untuk melakukan kebaikan lalu ia menunaikannya maka ia akan dicatat dengan 10 kebaikan hingga 700 kali ganda. Siapa yang tergerak hati untuk melaku-kan kejahanan pula sedang ia belum lagi melakukannya maka ia tidak dicatat dengan sebarang catatan tetapi jika ia telah melakukannya maka ia akan dicatat (dengan satu kejahanan) ke atasnya .

Riwayat Muslim.²⁰⁵

Maksud hadis di atas menjelaskan faktor niat dan implikasi daripadanya mempunyai nilai tersendiri di sisi Allah. Ini kerana di dalam niat telah tersirat elemen-elemen rangsangan agar melakukan suatu tindak balas melalui maklumat yang telah diproses oleh akal terlebih dahulu.

Al-Khatib berpendapat sesuatu perubahan yang berlaku pada diri seseorang biasanya merujuk kepada urusan batinnya, kefahamannya, alam fikiran serta pertimbangan hati budinya.²⁰⁶

Merujuk kepada elemen perubahan atau hijrah²⁰⁷ ia termasuk satu konsep yang penting dalam pembinaan motivasi. Metode untuk merubahnya pula, digariskan oleh Nabi s.a.w. :

²⁰³ Menurut Imam al-Ghazali "urusan dalaman" adalah yang merujuk kepada jiwa, roh, hati dan juga akal. Sila rujuk Badawī Tabānah, Dr. (1957), *op. cit.*, juz. 3, h. 3

²⁰⁴ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w.: Sesungguhnya manusia itu memiliki empat mata ; Dua matanya berada di kepalanya yang melihat tentang urusan dunianya, manakala dua matanya lagi berada di hatinya yang melihat urusan agamanya, *ibid.*, juz. 3, h. 43

²⁰⁵ Zaki al-Dīn 'Abd al-'Azīz al-Mundhīrī (1996), *op. cit.*, juz. 1, hadis no. 22, Bab: Al-Targhib Fi al-Ikhlas wa al-Sidq wa al-Niyyah al-Sölihah, h. 68 .

²⁰⁶ Muhammad 'Abdullāh al-Khatib (1991), *op. cit.* , h. xxviii

لَا يَسْتَقِيمُ إِيمَانُ عَبْدٍ حَتَّىٰ يَسْتَقِيمَ قَلْبُهُ وَلَا يَسْتَقِيمُ
قَلْبُهُ حَتَّىٰ يَسْتَقِيمَ لِسَانُهُ .

Tidak lurus iman seseorang sehingga lurus hatinya dan tiada lurus hatinya sehingga lurus pula lidahnya.

Riwayat Ahmad ²⁰⁸

Hadir di atas menjelaskan tentang peranan yang sepatutnya dimainkan oleh semua komponen dalam iman yang melibatkan unsur *al-tasdiq* (membenarkan), ikrar (ucapan) dan pembuktian dengan amalan. Semua komponen di atas perlu berjalan dalam bentuk *complementary* (saling lengkap melengkapi).

Menyentuh tentang fitrah diri, ia merujuk kepada hakikat asal kejadian manusia yang suci. Manakala maksud reaksi mata hati pula, ia merujuk kepada hati yang hidup iaitu hati yang paling sensitif dengan rangsangan, kecenderungan dan keceriaan.²⁰⁹ Ia juga merujuk kepada hati yang mendapat lintasan rahmat daripada Allah yang mampu mendorongnya kepada kebaikan dan meyakini tentang kebenaran.²¹⁰

2.5.1.(d) Elemen kesanggupan dan pengorbanan :

Termasuk di dalam kategori ini ialah elemen-elemen seperti prihatin, tabah, sabar, cekal hati, rela berkorban, berwaspada (حذر), bersiap siaga (رباط)²¹¹, menunaikan yang hak (الوفاء)²¹² dan sebagainya.

Berkaitan elemen ini Nabi s.a.w. bersabda :

²⁰⁷ Maksud hijrah di sini ialah perubahan daripada kurang baik kepada baik dan daripada yang baik kepada lebih baik.

²⁰⁸ Muhammad Fāiz Almath, Dr. (1993), *Qabas min När Muhammad s.a.w.* (disusun semula oleh Sidang Pengarang Kintan), Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan Sdn. Bhd., Bab : Islam-Iman-Ihsan, h.34

²⁰⁹ Al-Bahī al-Khūlī (1984), *op. cit.* , h. 174

²¹⁰ Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dalam Badawī Tabānāh, Dr. (1957), *op. cit.* , juz.1, h. 26

²¹¹ Asal maknanya mengikat, menambat atau merujuk kepada benteng pertahanan Islam di medan perang, sila rujuk Mahyudin Hj. Yahaya (1988), *op. cit.* , h. 1169. Maksud di sini ialah sentiasa bersiap siaga dalam urusan agamanya. Antara contoh *ribāt* seperti mengambil wuduk dengan sempurna, banyak pergi ke masjid dan menunggu-nunggu tiba waktu solat, sila rujuk Zakī al-Dīn 'Abd al-'Azīz al-Mundhīrī (1996), *op. cit.* , juz. 1, hadis no. 304, h. 218 .

²¹² Sila lihat firman Allah bermaksud : *Dan penuhilah janji, sesungguhnya janji itu pasti akan ditanya oleh Allah, surah al-Isrā'* (17), ayat 34. Huraian lanjut tentang *al-wafā'* boleh dilihat dalam Ahmad bin 'Abd al-'Aziz, Dr. (1999), *op. cit.* , juz. 2, h. 549 - 575

لِكُلِّ عَمَلٍ شِرْرٌ وَلِكُلِّ شَرِّ فَتَرَّهُ. فَمَنْ كَانَ فَتَرَهُ إِلَى سُنْنَتِي
فَقَدِ اهْتَدَى. وَمَنْ كَانَ فَتَرَهُ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَقَدْ هَلَكَ.

Setiap amalan ada kesegarannya, dalam setiap kesegarannya pula ada kelesuannya. Justeru itu, siapa yang lesunya masih di dalam sunnahku maka dia telah mendapat hidayah, siapa yang lesunya kepada selain daripada itu maka celakalah nasibnya.

Riwayat ibn Abī ‘Āsim dan ibn Hibbān.²¹³

Hadis di atas telah menganalisa tahap prestasi amalan manusia yang kadangkala bermotivasi tetapi kadangkala pula ia menjadi *futūr*²¹⁴ iaitu semakin lemah atau lesu. Namun, yang penting graf kelemahan itu jangan sampai jatuh ke paras sifar iaitu yang menggugurkan iman dan Islam.

Dalam konteks *ribāt* pula Nabi s.a.w. bersabda :

رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا.

رواه البخاري

Suatu hari dalam keadaan (رباط) pada jalan Allah adalah lebih baik daripada dunia dan segala apa yang ada di atas muka bumiunya.

Riwayat al-Bukhārī.²¹⁵

Hadis di atas, menagih elemen *ribāt* dalam apa juga situasi yang dihadapi. *Ribāt* telah menjadi suatu prinsip penting kerana ia termasuk cabang iman²¹⁶. Kesediaan motivasi seperti ini lebih baik daripada dunia dan segala isinya.

Sesungguhnya dunia ini adalah pentas ujian bagi manusia. Manusia akan diuji silih berganti antara bermotivasi dan juga *futūr*, antara iman yang bertambah dan juga berkurang dan sebagainya lagi. Namun bagi setiap ujian, Allah telah mentakdirkan kebaikan (atau kecemerlangan) di sebaliknya²¹⁷.

²¹³ Zāki al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz al-Mundhirī (1996), *op. cit.*, juz. 1, hadis no. 88, Bab: Al-Tarīb Min Tark al-Sunnah wa Irtikab al-Bida’ wa al-Ahwā’, h. 109

²¹⁴ Sila rujuk huraian lanjut tentang *futūr* oleh Sayyid Muhammad Nuh, Dr. (1998), *Āfātan ‘alā al-Tarīq* (terj. Abu Ahmad), Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada, h. 3 - 35

²¹⁵ Ahmad ibn Alī ibn Hajar (t.th.), *op. cit.*, juz. 6, hadis no. 2892, Bab: Fadl Ribat Yaumin Fi Sabil Allah, h. 85

²¹⁶ Sila rujuk Abī Ja’far ‘Umār al-Qazwīnī (1934), *op. cit.*, h. 80

²¹⁷ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : *Siapa yang Allah mahukan kebaikan baginya maka Allah akan memberikan ujian kepadanya.* (Riwayat al-Bukhārī). Mustafā Sa’īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *op. cit.*, juz.1, hadis no. 39, h. 59

2.5.1.(e) Elemen pencapaian dan rasa kepuasan :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen pencapaian seperti keperluan (*needs*), impian, matlamat dan kecemerlangan. Manakala elemen kepuasan pula contohnya seperti keselesaan, rasa *enjoy*, seronok dan senang hati.

Antara pendekatan Nabi s.a.w. dalam konteks ini ialah sabdanya :

أَلْهُوا وَالْعِبُّرَا فَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ يَكُونَ فِي دِينِكُمْ غِلْظَةً.

رواه البيهقي .

Bergurau dan bermain-mainlah, sesungguhnya aku tidak suka terjadi kekerasan (*rigid*) di dalam agamamu.

Riwayat al-Baihaqi.²¹⁸

Hadir di atas menekankan tentang metode pembelajaran yang selesa iaitu dengan menyelitkan unsur jenaka yang tidak melanggar batas. Ia seharusnya tidak terlalu *rigid* dan ketat, bersifat *murūnah* (*flexible*), ceria dan “mesra belajar”.

Nabi s.a.w. sendiri dalam praktiknya pernah bergurau tetapi bukan dalam perkara yang batil, contohnya setelah baginda diminta oleh seorang lelaki berjalan-jalan menaiki unta, baginda bersetuju tetapi dengan syarat menaiki anak unta. Lelaki itu membalsas kehairanan : *Apa yang boleh dilakukan dengan anak unta?*. Baginda menjawab : “*Bukankah unta yang besar itu juga berasal daripada ibu unta (ertinya anak unta juga)?*”²¹⁹

Dari perspektif dakwah pula pernah dinyatakan oleh Imam Hasan al-Bannā :

وَلَمْ يَكُنْ لِكُمْ اللَّهُ نَتَائِجُ الْأَعْمَالِ وَلَكُنْ كَلْفُكُمْ صَدْقَ

التَّوْجِهُ وَحْسَنُ الْاسْتَعْدَادُ .

*Anda tidak dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk menghasilkan usaha kerja anda, tetapi anda tetap dipertanggungjawabkan agar berusaha dengan ikhlas dan membuat persiapan yang baik.*²²⁰

²¹⁸ Muhammad Fāiz Almath, Dr.(1993), *op. cit.*, Tajuk : Sunnah-Sunnah Yang Utama, h. 59

²¹⁹ ‘Abd Fattah Abū Ghuddah, As Syeikh (2001), *op. cit.*, Tajuk : Menggunakan Pendekatan Seloka dan Bergurau Senda, h. 214

²²⁰ Mustafā Masyhūr, Dr. (1986), *op. cit.*, h. 49

Tumpuan di atas lebih kepada perlunya memahami *priority* dalam usaha kerja dāikwah iaitu berusaha dengan ikhlas²²¹ dan membuat persiapan yang terbaik dan bukan kepada natijah sebenar yang menjadi rahsia Allah. Konsep ini sebaiknya dapat diimplementasikan dalam konteks pelajar dan pembelajarannya.

Elemen pencapaian dan kepuasan dari sudut kekayaan lebih difokuskan kepada kekayaan hati (غنى النفس)²²³ atau kekayaan jiwa (غنى القلب)²²² iaitu merasa puas dan reda dengan kurniaan Allah kepadanya. Namun, dalam konteks ilmu, yang dikehendaki ialah kekayaan ilmu atau kecemerlangan (الخير) dan ia hanya akan dicapai apabila individu itu memahami tuntutan agamanya.²²⁴

2.5.1.(f) Elemen pertimbangan yang sihat :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen timbang terima, ketulusan budi bicara, pertimbangan hati budi, bertimbang rasa dan seumpamanya.

Pertimbangan yang sihat bermaksud satu cetusan reaksi dari dalam diri individu terhadap sesuatu permasalahan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab sama ada dari sudut untung rugi, buruk baik dan dosa pahalanya. Dari sudut metode pengendaliannya pula ditegaskan oleh Nabi s.a.w. :

مَثَلُ الَّذِي يُعَمِّلُ النَّاسَ الْخَيْرَ وَيَنْسَى نَفْسَهُ كَمَثَلِ السَّرَّاجِ
يُضِيئُ لِلنَّاسِ وَيَحْرِقُ نَفْسَهُ .
رواه الطبراني

Perumpamaan bagi orang yang mengajar kebaikan kepada orang lain tetapi melupakan dirinya sendiri dibaratkan seperti sebuah pelita yang menerangi manusia tetapi ia membakar dirinya sendiri.

Riwayat al-Tabarānī²²⁵

²²¹ Sila rujuk perbincangan lanjut dlm. Muhammad ‘Abdullah al-Khaṣīb (1991), *op. cit.* , h. 201

²²² Sila lihat hadis Nabi s.a.w. bermaksud : Sesungguhnya yang dikatakan kaya itu adalah yang kaya hatinya dan yang dikatakan fakir itu adalah yang fakir hatinya. (Riwayat ibn Hibbān), Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (1996), *op. cit.* , juz 1, hadis no. 1216, h. 640

²²³ Sila rujuk Mustafā Sa’īd al-Khin, Dr. et al(1993), *op. cit.* , juz 1, hadis no. 522, h. 388

²²⁴ Sila lihat hadis Nabi s.a.w. bermaksud : Siapa yang Allah mahukan kebaikan (atau kecemerlangan) baginya, maka Dia akan buka pintu kefahaman dalam memahami urusan agamanya (Riwayat al-Bukhārī dan Muslim). Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (1996), *loc. cit.* , juz 1, hadis no. 100, h. 117

²²⁵ *Ibid.* , juz 1, hadis no. 220, Bab: Al-Tarḥīb Min An Ya’lāma wa La Ya’mal bi ‘Ilmih wa Yaqulu Ma La Yaf’al, h. 173

Hadis di atas telah menggariskan satu etika timbang terima dalam konteks pembinaan diri dan juga dakwah iaitu konsep (ابداً بنفسك) ertinya "mulakanlah daripada dirimu sendiri". Justifikasi kepada konsep ini ialah dengan merujuk kepada peribadi Nabi s.a.w. yang berakhlik dengan akhlak al-Quran sebelum menjadikan dirinya sebagai contoh (uswah) kepada orang lain.²²⁶

Dari sudut pertimbangan hati budi pula, Nabi s.a.w. bersabda :

أَنْظُرُوا إِلَيْيَ مِنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَا تَنْتَظِرُوا إِلَيْ مِنْ هُوَ فَوْقُكُمْ
أَجَدَرُ أَنْ لَا تَزَدِرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ .
رواه مسلم

Lihatlah kepada orang yang lebih rendah kedudukannya daripada kamu dan janganlah kamu melihat kepada orang yang lebih tinggi statusnya daripada kamu. Ia lebih layak (dilakukan) supaya kamu tidak menghina pemberian Allah kepadamu.

Riwayat Muslim.²²⁷

Hadis di atas meminta supaya tidak merasa iri hati dengan nikmat dunia kepada orang lain yang statusnya berada di atas kita kerana akhirnya ia akan menghina dan tidak reda dengan kurniaan Tuhan kepada dirinya. Sebaliknya dalam urusan akhirat pula sepatutnya perlu melihat kepada contoh terbaik yang berada di atas kita.

Melalui keterangan di atas, elemen pertimbangan yang sihat ini aplikasinya perlulah merujuk kepada pendekatan Islam supaya perjalanananya benar-benar betul dan sihat.

2.5.1.(g) Elemen *al-'afāf* (العفاف) :

Perkataan *al-'afāf* berasal daripada perkataan *'affa* atau *'iffah* ertinya berhemah tinggi (*chastity*)²²⁸ atau berpantang daripada perkara-perkara yang tidak halal²²⁹. Maksudnya ialah memelihara diri daripada perkara-perkara yang

²²⁶ Sila rujuk footnote no. 13 dlm. bab 2 ini

²²⁷ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 18, Kitab : Al-Zuhd, h. 97.

²²⁸ 'Abd al-Rahmān Bin Khaldūn (2000), *op. cit.*, h. 93

²²⁹ Atabik Ali dan Ahmad Zuhdi Muhdlior (1999), *Kamus Kontemporer Arab-Indonesia*, Yogyakarta : Yayasan Ali Maksum, h. 1302

haram, yang mencemar maruah, kehormatan dan kesucian diri,²³⁰ menghindarkan diri daripada suatu yang dilihat tidak baik, tidak bermaruah dan tidak bermoral seperti zina, khalwat, pendedahan aurat, *tabarruj* dan sebagainya²³¹.

Elemen *al-'afāf* boleh dirujuk melalui satu kisah yang panjang daripada soalan Heraklius²³² kepada Abu Sufyān mengenai apakah yang diperintah oleh Nabi s.a.w.. Abu Sufyān menjawab, antaranya :

يَأْمُرُنَا بِالصَّلَاةِ، وَالصِّدْقِ، وَالْعَفَافِ، وَالصَّلِيْةِ.

رواه البخارى ومسلم

Kami disuruh menunaikan solat, bercakap benar, al-'afāf' dan menghubungkan silaturahim.

Riwayat al-Bukhārī dan Muslim.²³³

Hadis di atas menyorot tentang isu nubuwah dan juga isi-isi pokok pengajaran Nabi s.a.w.. Elemen *al-'afāf* termasuk antara enam tonggak asasi terawal yang diperintah oleh Nabi s.a.w. kepada para sahabatnya. Oleh itu, *al-'afāf* merupakan prinsip penting bagi keunggulan identiti Islam.

Kejayaan melaksanakan *al-'afāf* sekaligus melambangkan kejayaan dalam dakwah. Sebab itu setelah mendengar penjelasan Abu Sufyān, Maharaja Rom terus faham dan berkata :

كَانَ مَا تَقُولُ حَقًّا فَسَيَمْلِكُ مَوْضِعَ قَدَمِيْ هَاتَيْنِ.

*Jika benar seperti apa yang kamu katakan, maka dia akan menguasai bumi tempat kakiku berdiri ini.*²³⁴

²³⁰ Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 12, h.106. Rujuk juga Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *op. cit.* , juz 1, hadis no. 56, h. 72

²³¹ Alias Osman (2001), "Keluarga Bahagia Dalam Rumah tangga Muslim" dlm. majalah *Muslimah*, Jun 2001, h. 18

²³² Beliau adalah Maharaja Rom yang menggunakan gelaran Kaisar, usaha dakwah Islam dilakukan pada tahun ke 6 Hijrah selepas perjanjian Hudaibiyyah, sila rujuk Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *loc. cit.* , juz 1, h. 72

²³³ Ahmad bin Alf bin Hajar (t.th.), *op. cit.* , juz 1, hadis no. 7, Kitab : Bad'u al-Wahyī, h. 32. Rujuk juga Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 12, Bab : Katab al-Nabī Ila Hiraql Malik al-Syam Yad'uhu Ila al-Islam, h. 106. Rujuk juga Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *op. cit.* , juz 1, hadis no. 56, Bab: Al-Sidq, h. 72

²³⁴ Ahmad bin Alf bin Hajar (t.th.), *op. cit.* , juz 1, hadis no 7, Kitab : Bad'u al-Wahyī, h. 32. Rujuk juga Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz 12, Bab : Katab al-Nabī Ila Hiraql Malik al-Syam Yad'uhu Ila al-Islam h. 107

Berkaitan *al-'afāf* juga Nabi s.a.w. mengajar satu doa :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالنُّقْحَى وَالعَفَافَ وَالغَنَى .
رواه مسلم

Ya Allah ! Sesungguhnya aku mengharapkan hidayah, ketakwaan, al-'afāf dan kekayaan. Riwayat Muslim.²³⁵

Hadis di atas meminta supaya menjadikan doa untuk mendapatkan suntikan motivasi terhadap perkara yang penting seperti hidayah, ketakwaan, *al-'afāf* dan juga kekayaan, kerana untuk mendapatkannya ia berada di luar daripada kemampuan sebenar manusia.

Al-'afāf merupakan satu prinsip penting dalam Islam. Al-Khatib menceritakan, seorang muslim pernah ditangkap untuk dipancung kepalanya oleh seorang berbangsa Tartar namun ketika itu ia tidak membawa pedang, ia menyuruh muslim itu menundukkan kepalanya di batu sementara ia pulang mengambil pedang, muslim itu hanya menunggu tanpa berbuat sesuatu dan akhirnya kepalanya putus dipancung²³⁶. Itulah gambaran tragis kesan daripada kehilangan *al-'afāf*. Justeru itu, penampilan *al-'afāf* pada masa kini begitu penting untuk mengembalikan nostalgia keindahan Islam yang penuh dengan motivasi dan kecemerlangan.

2.5.1.(h) Elemen doa dan hubungannya dengan Pencipta :

Termasuk dalam kategori ini elemen kesanggupan untuk menghubungkan semua kehendak dan keperluan hidupnya sama ada dunia atau pun akhirat dengan ikatan doa, munajat serta hubungannya yang baik dengan Allah.

Oleh kerana seluruh tumpuan makhluk khususnya manusia bergantung harap kepada Allah, maka amalan doa sepatutnya menjadi satu kekuatan istimewa bagi seorang mukmin dalam pembinaan hubungan dengan Pencipta. Nabi s.a.w. bersabda yang diriwayatkan oleh al-Hakim :

²³⁵ Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr. et al. (1993), *op. cit* , juz. 2, hadis no. 1469, Kitab : Al-Da'awat, h. 235

²³⁶ Muhammad 'Abdullāh al-Khatib (1991), *op. cit* , h. 60

الدُّعَاءُ سِلَاحٌ لِّلْمُؤْمِنِ وَعِصَادٌ لِّلْدِينِ وَنُورٌ لِّلسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ .
رواه الحاكم.

*Doa merupakan senjata bagi orang mukmin, tiang bagi agamanya dan cahaya bagi langit dan bumi.*²³⁷

Hadir di atas meminta supaya doa dijadikan sebagai senjata, peluang atau pun kunci untuk membuka pintu keberkatan dan curahan rahmat daripada Allah. Ertinya, di sebalik doa tersirat satu kekuatan yang menjadi pendorong motivasi kepada persiapan yang sedia ada.

Sesungguhnya Allah telah berjanji untuk memperkenankan semua doa hamba-Nya²³⁸, namun setiap doa mestilah diyakini bahawa ia akan diperkenankan oleh-Nya²³⁹. Setiap doa juga berkait rapat dengan sikap yang ada di dalam dirinya sendiri sebagaimana firman Allah dalam satu hadis *qudsi* :

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ إِذَا دَعَانِي .

*Aku adalah menurut sangkaan hamba-Ku dan Aku bersamanya sekiranya ia berdoa kepada-Ku.*²⁴⁰

Hadir di atas memberi fokus kepada sikap manusia terhadap nilai jangkaan (*expectation*). Nilai tersebut mampu untuk membina motivasi diri jika ia dimanfaatkan sebaiknya oleh manusia dalam hubungannya dengan Allah.

Jelasnya, doa dengan segala keistimewaannya mampu untuk menjadi elemen penting sebagai alat penghubung kepada semua kehendak dan keperluan manusia bagi membina tumpuan, harapan dan motivasi. Doa juga berperanan menolak qadak Allah yang ditakdirkan kepada seseorang hamba-Nya.²⁴¹

²³⁷ Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz al-Mundhīrī (1996), *op. cit.*, juz. 2, hadis no. 2430, Bab: Al-Targhib Fi Kathrah al-Du'a' wa Ma Ja'a Fi Fadlih, h. 476

²³⁸ Sila lihat hadis Nabi s.a.w. bermaksud : Sesungguhnya Allah akan memperkenankan doa seorang muslim yang berdoa bukan bertujuan kerana dosa dan tidak juga untuk memutuskan silaturahim melalui salah satu daripada tiga bentuk ; sama ada diperkenankan apa yang diminta atau ditangguhkan untuk bekal di akhirat atau pun dihindarkannya daripada suatu yang buruk sepertinya (Riwayat Ahmad dan lain-lain), *ibid*, juz. 2, hadis no. 2427, h. 475

²³⁹ Sila rujuk footnote no. 47 dalam bab 2 ini.

²⁴⁰ Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz al-Mundhīrī (1996), *loc. cit.*, juz. 2, hadis no. 2420, Bab: Al-Targhib Fi Kathrah al-Du'a' wa Ma Ja'a Fi Fadlih h.472

²⁴¹ Sila lihat hadis Nabi s.a.w. (لا يرد الفتاء إلا لله) maksudnya suatu qadak Allah tidak akan ditolak kecuali dengan perantaraan doa, *ibid*, juz. 2, hadis no. 2437, h. 479

2.5.2 MOTIVASI EKSTRINSIK.

Motivasi ekstrinsik melibatkan dorongan berbentuk luaran seperti yang berkaitan dengan elemen-elemen berikut :

2.5.2.(a) Elemen penerimaan :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen pengakuan, persetujuan, syukur, tahniah, takziah, *tabsyir* (memberitahu berita gembira) dan sebagainya.

Asas untuk mengukur elemen penerimaan ini menurut Nabi s.a.w. :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى
فَتْوَبِكُمْ وَآعْمَالِكُمْ .
رواه مسلم

Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan juga harta benda kamu tetapi Allah melihat kepada hati dan amalanmu.

Riwayat Muslim.²⁴²

Hadir di atas mendorong semua orang mencari kebaikan kerana perkara hati dan amal adalah perkara yang boleh dilakukan oleh semua orang dengan syarat “hendak seribu daya”, berbanding dengan rupa paras dan harta yang terbatas skop pemilikannya.

Berkaitan elemen pengakuan, Nabi s.a.w. membawa contoh :

وَاللَّهُ فِي عَوْنَى الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَى أَحَبِبَهُ .
رواه مسلم وابو داود وغيرهما

Dan Allah akan sentiasa menolong hamba-Nya selama mana hamba tersebut menolong saudaranya.

Riwayat Muslim, Abu Dāwūd dan lain-lain.²⁴³

Hadir di atas merujuk kepada justifikasi pertolongan Allah yang dikaitkan dengan bantuan manusia itu sendiri kepada orang lain. Pengakuan Allah ini boleh

²⁴² Muhyū al-Dīn Abū Zakariyyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz. 16, Bab : Tahrīm Zulm al-Muslim..., h. 121

²⁴³ Zākī al-Dīn 'Abd al-'Azīz al-Mundhīrī (1996), *op. cit.*, juz. 1, hadis no. 105, Kitab: Al-'Ilm, h. 119

mendorong manusia melakukan kebaikan kerana di sebalik tindakannya tersirat peluang untuk dirinya juga.

Elemen *tabsyīr* dan tahniah sering digunakan oleh Islam dalam banyak situasi. Sebagai contoh, Allah memberikan khabar gembira kepada mereka yang mendengar al-Quran dan kemudian mahu mengikuti petunjuknya²⁴⁴, ucapan tahniah kerana dikurniakan anak yang sabar (Nabi Ismail a.s.)²⁴⁵, dan juga anak yang pintar (Nabi Ishak a.s.)²⁴⁶ dan sebagainya.

Elemen syukur, puji-pujian dan terima kasih juga banyak ditonjolkan dalam Islam kerana falsafah kewujudan manusia dan segala nikmat yang dikurniakan kepadanya adalah atas dasar rahmat daripada Allah yang perlu disyukuri.

2.5.2.(b) Elemen pengiktirafan :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen pujian, ikram, sanjungan, ukhuwah, penghormatan, penghargaan, memaafkan, kesayangan dan sebagainya.

Islam amat menekankan elemen ini sama ada ada kepada atau daripada orang lain. Contohnya, dorongan supaya menyayangi sesama insan²⁴⁷, memberi ruang kepada orang lain dalam suatu majlis ilmu²⁴⁸, berziarah²⁴⁹, memberi pujian kepada yang sepatutnya²⁵⁰, menahan marah²⁵¹, sensitif dengan sebarang penyelewengan²⁵² dan sebagainya.

²⁴⁴ Sila rujuk firman Allah surah al-Zumar (39), ayat 17 - 18

²⁴⁵ Sila rujuk firman Allah surah al-Sāffāt (37), ayat 101

²⁴⁶ Sila rujuk firman Allah surah al-Hijr (15), ayat 53

²⁴⁷ Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dlm. Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (1996), *op. cit.*, juz. 3, hadis no. 3342, h. 150

²⁴⁸ Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dlm. *ibid*, juz. 3, hadis no. 4503, h. 632

²⁴⁹ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : *Berziarah secara yang tidak terlalu kerap boleh menambahkan lagi kasih sayang.* (Riwayat al-Tabarāñī), *ibid*, juz. 3, hadis no. 3798, h. 344

²⁵⁰ Nabi s.a.w. telah memuji sambil menepuk belakang Mu’āz bin Jabal sebagai pengiktirafan Baginda kepadanya yang akan memegang jawatan Gabenor di Yaman, sila rujuk Abī al-‘Ulā Muhammad ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abd al-Rahīm al-Mubārakpūrī (1990), *Tuhfah al-Ahwadhi bi syarah Jāmi’ al-Tirmidhī*, juz. 4, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Imiyah, hadis no. 1342, h. 464

²⁵¹ Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dlm. Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (1996), *op. cit.*, juz. 3, hadis no. 4046, h. 439

²⁵² Sila rujuk hadis Nabi s.a.w. dlm. *ibid*, juz. 3, hadis no. 3453, h. 200

Dalam pendekatan lain Nabi s.a.w. bersabda :

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَقَبَّلُهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَتَقَرَّفَا.

رواه ابو داود والترمذى

Sesungguhnya dua orang muslim yang bertemu lalu kedua-duanya berjabat tangan. Allah ampunkan dosa mereka berdua sebelum kedua-duanya itu berpisah.

Riwayat Abu Dāwūd dan al-Tirmizi.²⁵³

Hadir di atas memberi jaminan bahawa elemen ikram, sanjungan dan penghormatan yang lahir daripada desakan naluri fitrah yang suci telah diiktiraf dan dirahmati oleh Allah dengan jaminan keampunan dosa.

Seterusnya Nabi s.a.w. juga bersabda :

يُوْجِبُ الْجُنَاحُ إِطْعَامُ الطَّعَامِ وَأَفْشَاءُ السَّلَامِ وَخُسْنُ الْكَلَامِ.

رواه الطبراني

Yang mewajibkan syurga ialah kesudian menjamu makan, mengucap salam dan elok perkataan.

Riwayat al-Tabarānī.²⁵⁴

Hadir di atas lebih difokuskan kepada elemen ukhuwah. Amalan menjamu makan, mengucap salam dan elok perkataan merupakan antara contoh paparan budaya yang amat tinggi nilainya kerana disebalik amalan tersebut tersirat unsur-unsur keberkatan yang boleh membina motivasi yang baik dalam cara bersosial, bahkan Baginda memberi jaminan akhirnya akan membawa mereka ke syurga.

Contoh lain bagi elemen ini ialah kesediaan untuk memaafkan, berlapang dada, menerima teguran, berkomunikasi dengan senyuman²⁵⁵ dan sebagainya. Semua elemen di atas termasuk dalam kategori nilai-nilai yang baik dan setiap nilai yang baik adalah sedekah²⁵⁶.

²⁵³ Ibid., juz. 3, hadis no. 4005, Bab: Al-Targhib Fi al-Musafahah, h. 422

²⁵⁴ Ibid., juz. 3, hadis no. 3975, Bab : Al-Targhib Fi Talaqah al-Wajh wa Tayyib al-Kalam wa Gairi Zalik Mimma Yuzkar, h. 410

²⁵⁵ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : Senyuman yang engkau berikan kepada saudaramu adalah sedekah. (Riwayat Ahmad dan al-Tirmizī), ibid., juz. 3, hadis no. 3970, h. 408

²⁵⁶ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : Setiap yang makruf itu adalah sedekah. (Riwayat Muslim), Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), op. cit., juz. 7, h. 91

2.5.2.(c) Elemen insentif :

Termasuk dalam kategori ini ialah elemen-elemen seperti peluang (kesempatan dan kelapangan), berkat (rahmat, restu dan ketenangan), pangkat, darjat (tingkat kedudukan), honorarium, cenderamata (atau cenderahati yang diberikan sebagai tanda ingatan), ganjaran (hadiah berbentuk wang atau harta, termasuk juga berbentuk pahala atau dosa), subsidi (bantuan), bonus, biasiswa, sijil dan seumpamanya.

Definisi insentif ialah suatu yang diberikan atau ditawarkan sama ada yang berbentuk material atau sebaliknya sebagai satu usaha dorongan atau galakan untuk mencapai sesuatu.²⁵⁷ Ia dianggap sebagai bayaran tambahan kerana pencapaian nilai prestasi, ketaatan, komitmen di samping merujuk kepada tempoh masa yang signifikan.²⁵⁸

Sebenarnya, elemen insentif ini begitu banyak mewarnai ajaran Islam, antaranya ialah bentuk (الوعد) iaitu janji balasan baik seperti pahala, kebahagiaan, syahid, syurga, diampunkan dosa, ditinggikan darjat, diberikan syafaat dan sebagainya. Seterusnya bentuk (الوعيد) iaitu janji balasan buruk seperti kecelakaan, kemurkaan, bala, dosa, azab kubur, azab neraka, tidak mendapat syafaat dan seumpamanya lagi.

Berkaitan elemen hadiah (الهبة), Nabi s.a.w. pernah bersabda :

تَهَادُوا فِيْ أَهْدِيَةٍ تُنْهَبُ وَحَرَ الصَّدَرُ . رَوَاهُ التَّرمِذِيُّ

Hendaklah kamu saling memberi hadiah, sesungguhnya hadiah itu boleh menghilangkan karat-karat hati.

Riwayat al-Tirmizi.²⁵⁹

Hadis di atas menggambarkan antara sifat hati yang sering terdedah dengan pelbagai penyakit. Oleh itu pemberian hadiah dan sikap bermurah hati dapat

²⁵⁷ Kamus Dewan (2000), *op. cit*, h. 494

²⁵⁸ Muhamad Ali Embi (2001), *Pendekatan Pengurusan Sumber Manusia Masa Kini*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 68

²⁵⁹ Abī al-'Ulā Muhammād 'Abd al-Rahmān ibn 'Abd al-Rahmān al-Mubārakpūrī (1990), *op. cit* , juz. 6, Bab : Ma Ja'a Ft Hath al-Nabiyī 'Ala al-Hadiyyah, hadis no. 2213, h. 275

menjadi penawar kepada hati, malah boleh juga mengikis karat-karat kejahatan yang telah tersimpul mati.

Merujuk kepada sikap Nabi s.a.w. terhadap sesuatu pemberian, Baginda sentiasa menerima, menghargai dan kemudian membalaunya dengan baik²⁶⁰ kerana di dalam Islam konsep memberi itu lebih baik daripada menerima²⁶¹.

Merujuk tentang elemen berkat pula, Nabi s.a.w. bersabda :

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بَيْتِ اللَّهِ يَقْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ
وَيَتَنَازَّسُونَهُ بِيَنْهُمُ الْأَخْفَقُهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَنَزَّلْتُ عَلَيْهِمْ
السُّكْنِيَّةَ وَعَشِّيَّتُهُمُ الرَّحْمَةُ .
رواه البخاري ومسلم

Sesungguhnya suatu kaum yang berkumpul di salah satu rumah daripada rumah-rumah Allah kemudian membaca al-Quran dan mempelajarinya, mereka akan dilindungi oleh para malaikat, mendapat ketenangan dan diliputi rahmat.

Riwayat al-Bukhārī dan Muslim.²⁶²

Hadis di atas difokuskan kepada dorongan untuk mendapatkan ketenangan (السكينة) dan rahmat daripada Allah bagi sesiapa yang membaca al-Quran dan mempelajarinya, malah mereka akan dilindungi dan direstui oleh para malaikat-Nya.

Merujuk tentang nilai ganjaran pula, antaranya telah dinyatakan oleh Baginda s.a.w. :

مَنْ عَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَرْجِعَ .
رواه الترمذى

Siapa yang mengorak langkah untuk menuntut ilmu maka ia termasuk kategori berjuang pada jalan Allah sehingga ia kembali.

Riwayat al-Tirmizi.²⁶³

²⁶⁰ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : *Rasulullah s.a.w. sering menerima hadiah dan kemudian membalaunya.* (Riwayat al-Bukhārī), Ahmad bin Ali bin Hajar (t.th.), *op. cit.*, juz. 5, hadis no. 2585, h. 210

²⁶¹ Sila lihat maksud hadis Nabi s.a.w. : *Tangan yang di atas (memberi) lebih baik daripada yang di bawah (menerima).* : Zaki al-Din 'Abd al-'Azīz al-Mundhiri (1996), *op. cit.*, juz. 1, hadis no. 1199, h. 633

²⁶² *Ibid.*, juz. 1, hadis no. 105, Kitab: Al-'Ilm, h. 119

²⁶³ *Ibid.*, juz. 1, hadis no. 148, Bab: Al-Targhib Fi al-Riħlah Fi Talab al-'Ilm, h. 139

Hadis di atas telah membuat gesaan supaya menitikberatkan tentang nilai ganjaran dari sudut jangka panjang iaitu keuntungan di akhirat dan sudah tentu nilainya juga untuk keuntungan di dunia selama mana ia di dalam batas-batas perjuangan yang tidak menyeleweng (tidak menuntut ilmu salah atau sesat).

2.5.2.(d) Elemen upah (الأجرة) :

Termasuk di dalam kategori ini elemen-elemen seperti upah, gaji, pendapatan, pulangan, bayaran pampasan (ganti rugi) dan seumpamanya.

Maksud upah ialah wang dan lain-lain (manfaat atau peluang) yang diberikan kepada orang yang diminta mengerjakan sesuatu, upah juga bermaksud bayaran sebagai pembalas jasa atau ganjaran bagi tenaga yang telah digunakan²⁶⁴. Jelasnya, upah adalah suatu pemberian mengikut hak yang sepatutnya. Merujuk kepada elemen ini Nabi s.a.w. bersabda yang diriwayatkan oleh Muslim :

كُفَىٰ بِالْمَرْءِ إِلَئِمَا أَنْ يَحْبِسَ عَمْنَ يَمْلِكُ قُوتَةً . رواه مسلم

Alangkah besar dosanya bagi orang yang menahan makanan (gaji, upah) mereka yang berada di bawah jagaannya. ²⁶⁵

Hadis di atas ditujukan kepada semua urusan yang melibatkan tenaga seseorang. Upahnya perlu dibayar mengikut hak yang sepatutnya. Islam amat meraikan keadilan kerana keadilan sosial yang terjamin memberi peluang dan dorongan kepada semua orang untuk merasai keindahan Islam. Meminggirkan keadilan bererti mencemarkan nama baik Islam dan berdosa besar kepada Allah.

Nabi s.a.w. juga bersabda yang diriwayatkan oleh al-Baihaqī :

أَعْطِ الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجْفَ عَرْقَهُ . رواه الببيهقي

Berikanlah bayaran upahnya kepada mereka (yang telah memberikan tenaganya) sebelum kering peluhnya. ²⁶⁶

²⁶⁴ Kamus Dewan (2000), *op. cit.*, h. 1526

²⁶⁵ Muhyū al-Dīn Abū Zakariyā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz. 7, Bab : Fadl al-Nafaqah 'Ala al-'iyal wa al-Mamluk, wa Ithm Man Daiya'hum au Habs Nafaqathum 'Anhum, h. 82

²⁶⁶ Abī Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqī (1356 H), *Al-Sunan al-Kubrā*, (cet.1), juz. 6, India : Majlis Dāerah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyah, h. 121

Hadir di atas meminta para majikan dan mereka yang bertanggung-jawab ke atas tanggungannya supaya membayar upah (atau manfaat) secepat mungkin mengikut perjanjian atau kontrak yang dipersetujui bersama. Pendekatan maksud “bersegera” pernah digambarkan melalui hasrat hati Baginda s.a.w. bahawa seandainya baginda mempunyai emas sebesar bukit Uhud nescaya sesudah tiga hari ia hanya akan berbaki satu dinar sahaja.²⁶⁷

Ajaran Islam telah lama memperjuangkan etika dalam meraikan hak-hak sosial yang dikongsi bersama, kerana elemen perampasan hak akan melahirkan banyak keceluhan, eksplorasi, mendapatkan sesuatu secara haram dan sebagainya. Para pekerja juga tidak seharusnya dibebani dengan sesuatu yang di luar kemampuannya²⁶⁸, namun mereka itu sendiri seharusnya memiliki keterampilan serta amanah²⁶⁹. Jika semua elemen ini dapat ditunaikan dengan sempurna ia dapat menjamin tanggapan positif terhadap keindahan Islam.

2.5.2.(e) Elemen hukuman :

Termasuk di dalam kategori ini elemen-elemen hukuman yang termasuk di dalamnya elemen denda, sita, amaran, larangan, peringatan, tegahan, tekanan, kawalan dan seumpamanya.

Merujuk kepada pentingnya sesuatu hukuman, Allah berfirman :

جَزَاءٌ بِمَا كَسَبُوا كُلًا مِنْ أَنَّهُ .

(sebagai) pembalasan kepada apa yang mereka kerjakan dan sebagai pembalasan daripada Allah. ²⁷⁰

Maafhum ayat di atas ialah suatu amaran, tegahan, penghinaan dan celaan yang dilemparkan kepada mereka yang terlibat dengan jenayah berat di sisi Allah bahawa Dia akan membala dengan yang setimpal dengannya.²⁷¹ Nilai balasan,

²⁶⁷ Sila rujuk dlm. Ahmad bin Ali bin Hajar (t.th.), *op. cit.*, juz. 13, hadis no. 7228, , h. 217

²⁶⁸ *Ibid* , juz. 1, hadis no. 30 , h. 84

²⁶⁹ Sila rujuk firman Allah surah al-Qasas (28), ayat 26

²⁷⁰ Surah al-Mâ'idah (5), ayat 38

²⁷¹ Wahbah al-Zuhailî, Prof. Dr. (1991), *op. cit.* , juz. 6, h. 182

denda atau hukuman adalah tergolong sebagai elemen untuk memotivasi kan manusia supaya mereka menjauhi atau meninggalkan perkara yang merosakkan.

Sesuatu hukuman seharusnya dilaksanakan secara yang adil dan tidak boleh secara "pandang bulu"²⁷². Menilai dengan adil bererti mengambil keterangan daripada kedua-dua belah pihak yang bertelagah dan kemudian membuat pertimbangan (*judgement*) ke atasnya²⁷³.

Sesuatu hukuman yang dijatuhkan kepada seseorang seharusnya dilaksanakan atas dasar untuk melaksanakan tanggungjawab yang diperintahkan Allah. di samping untuk melaksanakan islah dan bukan untuk melepaskan geram dan dendam.

Sebelum sesuatu hukuman diperbahaskan, Nabi s.a.w. menekankan betapa perlunya pendekatan metode islah yang antaranya disebut oleh Baginda s.a.w. :

لَا يَنْهَى لِلرُّجُلِ أَنْ يَأْمُرَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
حَتَّى يَكُونَ فِيهِ خَصَالٌ ثَلَاثٌ رَّفِيقٌ بِمَا يَأْمُرُ، رَّفِيقٌ
بِمَا يَنْهَاي، عَدْلٌ فِيمَا يَنْهَاي .
رواه الدبلسي

Tidak seharusnya orang yang menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar kecuali ia memiliki tiga syarat : Berlemah lembut dalam menyuruh, berlemah lembut dalam melarang, adil terhadap apa yang harus dilarang.

Riwayat al-Dailamī.²⁷⁴

Hadir di atas memfokuskan kepada cara pendekatan terbaik bagi semua pengamal undang-undang Islam untuk memastikan terlaksananya elemen keadilan di samping dorongan supaya kliennya dapat kembali ke jalan yang benar. Oleh itu sepatutnya mereka terlebih dahulu perlu berfikir dan berusaha seberapa banyak cara untuk menarik mereka kembali ke jalan yang benar sebelum berfikir dan bertindak mengenai sesuatu hukuman.

²⁷² Sila rujuk Muhyū al-Dīn Abū Zakariā Yahyā al-Nawawī (t.th.), *op. cit.*, juz. 11, h. 186

²⁷³ Sila rujuk firman Allah surah al-Nisā' (4), ayat 35 . Rujuk juga dlm. Abdul Ghani Azmi bin Hj. Idris, Drs. (1998), *Himpunan Hadith-Hadith Sahih*, (cet.1), jilid 1, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, h. 94

²⁷⁴ Muhammad Fāiz Almath, Dr. (1993), *Ibid* , Bab : Perintah Beramar Makruf Nahi Mungkar, h. 146

Islam menegaskan elemen hukuman seharusnya dipandang sebagai suatu "rahmat" dan bukannya suatu yang kejam seperti pandangan para orientalis dan sekularis kerana tujuan hukuman adalah untuk mengikis sifat-sifat jahiliah dan dosa kemudian mengislahnya kembali dengan warna-warna Islam. Metode pemulihan seperti ini diharapkan boleh membina motivasi dan keyakinan diri kerana ia jauh daripada pengaruh nafsu manusia.

Rumusan Bagi Elemen Motivasi Dakwah :

Daripadauraian berkaitan elemen motivasi dakwah di atas, dapatlah dirumuskan beberapa perkara seperti berikut :

- i. Pendekatan Islam dalam memotivasi manusia juga memberikan tumpuan kepada dua skop intrinsik dan ekstrinsik.
- ii. Rujukan bagi pengisian kedua-dua skop intrinsik dan ekstrinsik ini ialah daripada sumber asasi al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. yang dijamin kesahihannya.
- iii. Metodologi bagi motivasi dakwah ialah menerima apa sahaja yang disarankan oleh Nabi s.a.w. dan meninggalkan apa juga yang dilarang.
- iv. Piawaian bagi motivasi dakwah pula ialah natijah usahanya terpulang kepada individu itu sendiri dan izin daripada Allah pemilik segala hati dan bukan para *motivator* atau fasilitator.

2.6 RUMUSAN

Perbincangan di dalam bab dua ini telah memuatkan secara pasti tentang konsep dan rupa bentuk motivasi dakwah sama ada yang melibatkan prinsip dan dasar pembentukannya serta metode pendekatannya.

Kajian ini telah menerima semua prinsip motivasi konvensional yang tidak bercanggah dengan roh dan falsafah Islam dengan pengubahsuaian tertentu bagi menepati kehendak dan tuntutan Islam.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN :

Perbincangan di dalam bab dua ini memuatkan tentang tinjauan literatur yang akan menghuraikan tentang konsep motivasi dari sudut prinsip, metode dan kepentingan motivasi bagi kehidupan manusia. Seterusnya akan ditinjau juga tentang paradigma motivasi dakwah serta elemen-elemen motivasi dakwah menurut fakta atau pandangan yang dijamin kesahihannya.

Merujuk tentang betapa pentingnya motivasi bagi sebuah kehidupan, kajian ini akan cuba melihat perhubungan dan nilai motivasi bagi kehidupan manusia. Tanpa motivasi manusia boleh kehilangan peluang dan ruang tertentu yang perlu direbut dalam hidup mereka.

Kajian dalam bab ini juga akan memberikan sorotan kepada perlunya elemen motivasi dakwah kepada umat Islam. Justifikasi kepada sorotan ini kerana agama Islam mempunyai paradigmanya yang tersendiri dalam metode pendekatan motivasi. Seterusnya elemen motivasi dakwah juga dirasakan lebih relevan dan amat sesuai untuk menyelesaikan banyak permasalahan ummah pada masa kini.

Kajian ini juga akan memaparkan rupa bentuk elemen motivasi dakwah yang menjadi pokok perbahasan dengan harapan ia akan menjadi panduan untuk melihat rupa bentuk pendekatan Islam dalam isu motivasi. Dengan paparan ini diharapkan akhirnya akan dapat dibuat suatu *judgement* untuk mengukur sejauhmana perbezaannya dengan motivasi konvensional yang sedia ada dan sejauhmana bukti relevansinya isu motivasi dakwah ini untuk masa kini dan akan datang.